

TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA
PUAN AZLINDA BINTI NORDIN
USAHAWAN

OLEH:

SYAHRILL NORIZAN B. AHMAD FAUZI	2019643208
WAN NUR NABILA BT NORDIN	2019485384

PROJEK INI DIMAJUKAN KEPADA
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN
SEMESTER 05 (SEPT 2020 – JAN 2021)

PENGHARGAAN

PENGHARGAAN

Bismillahirrahmanirrahim...Assalamualaikum w.b.t...

Segala puji bagi Allah Yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang. Selawat dan salam ke atas Nabi Muhammad S.A.W dan sahabat baginda yang dikasihi. Terlebih dahulu, syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah dan kurniaanya telah memberi kami kekuatan dan kesabaran kepada kami dalam menyempurnakan transkrip ini pada masa yang ditetapkan.

Dalam kesempatan ini, kami mengucapkan jutaan terima kasih dan setinggi-tinggi terima kasih penghargaan kepada pensyarah kami iaitu Puan Nurulannisa Binti Abdullah kerana telah banyak memberi saya tunjuk ajar serta penerangan yang sempurna kepada kami dengan penuh sabar dari awal sehingga terhasilnya transkrip ini. Selain itu juga, kami mengucapkan terima kasih kepada beliau kerana memberi kepercayaan kepada kami dalam menyempurnakan transkrip ini. Semoga jasa baik beliau akan diberi ganjaran dengan kurniaan daripada Allah S.W.T.

Ucapan penghargaan yang tidak terhingga juga kepada Puan Azlinda Binti Nordin iaitu Pengurus Showroom Nordin Batik selaku tokoh usahawan pilihan wawancara kami yang banyak memberi kerjasama dan memberi maklumat sehingga terhasilnya transkrip penuh ini. Tidak lupa juga penghargaan ini kami tujukan kepada kedua ibubapa dan keluarga kami yang banyak memberi sokongan dan sentiasa menitipkan doa-doa untuk keberkatan kami di sini. Selain itu juga kami mendedikasikan ucapan penghargaan ini kepada teman-teman seangkatan yang sanggup berkongsi ilmu, maklumat serta banyak memberi bantuan dan sokongan.

Sebelum menutup bicara, kami ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung memberi sumbangan dalam menyempurnakan transkrip kami ini.

ABSTRAK

ABSTRAK

Abstrak: *Batik merupakan lambang seni warisan kreatif yang mempunyai sejarah tersendiri yang diiktiraf sebagai warisan negara yang bernilai tinggi serta salah satu kraftangan yang terkenal di peringkat global. Kajian ini berkaitan tentang "Seni Traditional: Batik Tunjang Seni Warisan" di negeri Kelantan bagi menyelusuri sejarah perjalanan warisan batik serta menjadikan batik sebagai lambang seni warisan pada masa akan datang. Pengusaha batik memainkan peranan penting demi memastikan seni batik negara dapat dimartabatkan dan mencapai zaman kegemilangan. Kajian ini menunjukkan bahawa Syarikat Nordin Batik Sdn Bhd mampu mengorak langkah lebih jauh apabila berjaya melakar kejayaan demi kejayaan dan semakin dikenali ramai. Hal ini secara tidak langsung mampu memartabatkan nilai estetika. "Batik" sebagai seni warisan lama serta menyampaikan maksud dan nilai budaya Melayu yang semakin ketara keterbukaannya seiring dengan perkembangan dunia pada masa kini. Pada zaman dahulu, batik dianggap sebagai seni traditional tetapi setelah pelbagai inisiatif oleh pelbagai pihak dilakukan melalui revolusi kontemporari kini batik mampu dijadikan sebagai elemen utama dalam rekabentuk dan rekahias pakaian fesyen terkini. Kini "Batik" mampu bertapak sejajar dengan kemajuan dan perkembangan teknologi dalam memperkenalkan dan mempromosi batik semakin hebat.*

Kata kunci: *batik, seni, warisan, kraftangan, tradisional*

Abstrak: *Batik is a symbol of creative heritage art that has its own history which is recognized as a high value national heritage as well as one of the world-famous handicrafts. This study is related to "Traditional Art: Batik Tunjang Seni Warisan" in the state of Kelantan to trace the history of the journey of batik heritage and make batik as a symbol of heritage art in the future. Batik entrepreneurs play an important role in ensuring that the country's batik art can be dignified and reach its heyday. This study shows that Syarikat Nordin Batik Sdn Bhd is able to take a step further when it succeeds in drawing success after success and is increasingly known to many. It is indirectly to elevate the aesthetics of "Batik" art heritage as long and serve the purpose and value of the tangible cultural openness in line with the development of the world nowadays. In the old days, batik was considered a*

traditional art but after various initiatives by various parties done through the contemporary revolution now batik can be used as a key element in the design and decoration of the latest fashion clothing. Now "Batik" is able to establish itself in line with the progress and development of technology in introducing and promoting batik is becoming more and more great.

Keyword: *batik, art, heritage, handicrafts, traditional*

ISI KANDUNGAN

ISI KANDUNGAN

TAJUK	MUKA SURAT
Penghargaan.....	i
Abstrak.....	iv
Isi Kandungan.....	vii
Biodata Tokoh.....	1
Pengenalan.....	3
Transkrip	
Bahagian 1: Latar Belakang Tokoh.....	07
Bahagian 2: Sejarah Pendidikan.....	11
Bahagian 3: Pengalaman Kerjaya.....	15
Bahagian 4: Sejarah Dunia Seni Batik.....	20
Bahagian 5: Latar belakang Nordin Batik.....	29
Bahagian 6: Kejayaan.....	37
Bahagian 7: Sumbangan.....	39
Bahagian 8: Harapan.....	41
Rujukan.....	44
Lampiran	
Log Wawancara.....	46
Diari Kajian.....	48
Senarai soalan.....	54
Surat Perjanjian.....	62
Gambar.....	63
Sijil penghargaan.....	66
Indeks.....	71

BIODATA TOKOH

BIODATA TOKOH

Nama Penuh : Azlinda Bt Nordin
Umur : 45 Tahun
Tarikh Lahir :
Tempat Lahir : Kota Bharu, Kelantan
Bilangan Adik-beradik : Anak sulung daripada 6 beradik
Alamat Rumah : Kota Bharu, Kelantan.
Pekerjaan : Pengurus Showroom Nordin Batik Sdn Bhd
Nama Bapa :
Nama Ibu :
Status : Berkahwin
Nama Suami :
Pekerjaan Suami : Berniaga
Bilangan Anak : 4 orang (3 perempuan 1 lelaki)
Kelulusan Akademik : Diploma Seni Reka Tekstil dan Reka Bentuk Fesyen

PENGENALAN

PENGENALAN

Batik merupakan salah satu hasil kraftangan yang terunggul di Malaysia dan ianya juga dianggap sebagai hasil seni warisan yang sangat penting di dalam industri perusahaan batik di negeri Kelantan. Batik mempunyai kepentingan seni warisan yang tinggi bagi memastikan warisan budaya dan bangsa melalui elemen batik dapat mencerminkan memori kepada keseluruhan kehidupan sesuatu bangsa sekaligus melambangkan ketamadunya. Perkembangan batik di Malaysia terutamanya di Kelantan merupakan salah satu usaha dalam memperkenalkan kewujudan batik terhadap masyarakat tempatan terutama golongan mud masa kini. Seajar dengan pemodenan masa kini, industri batik semakin mendapat tempat yang memberangsangkan/menggalakan dari setahun ke setahun di pasaran tempatan mahupun pasaran luar. Hal ini kerana pengusaha batik pada masa kini mempunyai peluang besar dalam memasarkan hasil produk dengan mempamerkan nilai keaslian dalam setiap penghasilan batik itu. Pelbagai usaha yang dilakukan bagi menggalakkan lagi masyarakat mempraktikkan pakaian batik untuk membantu usahawan batik serta secara tidak langsung meningkatkan sumber pembangunan ekonomi Negara.

Kelantan merupakan satu negeri yang terkenal dengan pelbagai hasil seni warisan terutamanya seni batik. Antara pengusaha batik terkenal di negeri Kelantan ialah Tuan Haji Nordin bin Mahmood yang merupakan peneraju terawal yang mempelopori industri batik di Kelantan. Beliau merupakan salah satu usahawan batik yang mempunyai semangat yang tinggi yang mampu mengharungi dugaan dan cabaran sepanjang penglibatan beliau yang masih berdiri gagah di dalam dunia seni batik sehingga kini. Kewujudan dan keberadaan syarikat Nordin Batik Sdn Bhd di negeri Kelantan memberi sumbangan yang besar bagi memperkenalkan dan menonjolkan keistimewaan melalui setiap penghasilan sesuatu produk batik itu. Hal ini dapat dilihat melalui keunikan dan keaslian batik tangan oleh syarikat Nordin Batik Sdn Bhd yang mempamerkan nilai estetik dan nilai-nilai timur sendiri. Usaha dalam mengangkat dan memartabatkan seni warisan nenek moyang untuk generasi akan datang bagi menghargai warisan Negara sejak berkurun lamanya sekaligus memartabatkan nilai budaya melayu dalam diri masyarakat.

Keunggulan syarikat Nordin Batik Sdn Bhd mampu mengatasi pelbagai persaingan bagi mengilang dan mengedar batik tradisional untuk pasaran dalam dan di luar Kelantan.

Hal ini kerana, demi memartabatkan warisan batik Negara agar terus berkembang dan berpotensi tinggi di dalam meningkatkan dan menstabilkan ekonomi Negara melalui industri pelancongan dan sebagainya. Seni warisan perlu dipelihara dan dihargai tinggalan berharga nenek moyang agar dapat memberi kesedaran serta penghayatan masyarakat terhadap seni warisan melalui kewujudan industri batik. Dengan kewujudan industri batik masa kini, penglibatan secara aktif dalam mendepani warisan negara melalui sektor pelancongan akan dapat dikembangkan dan diperluaskan.

TRANSKRIP

TRANSKRIP

Rakaman ini berkisah tentang sejarah batik dan perjalanan syarikat Nordin Batik Sdn Bhd serta jatuh bangunnya syarikat. Rakaman ini bertujuan untuk mendapatkan maklumat mengenai tokoh usahawan iaitu Puan Azlinda Binti Nordin untuk dijadikan bahan sejarah dan rujukan terutama kepada para penyelidik, para pelajar dan juga untuk rujukan generasi masa hadapan. Sepanjang rakaman ini diadakan, Puan Azlinda Binti Nordin menceritakan tentang latar belakang dirinya, latar belakang keluarganya, latar belakang pendidikannya, bagaimana dia boleh meminati dan terlibat dalam dunia industri seni batik, siapa yang menjadi pendorong, pencapaian beliau sepanjang menjadi Pengurus Showroom Nordin Batik Sdn Bhd, nasihat dan perkongsian ilmu tentang bagaimana untuk menjadi seorang usahawan dan pelbagai pandangan dan isu-isu semasa dapat dilihat dan diberikan penerangan dari kaca mata beliau. Berikut adalah hasil rakaman bersama Puan Azlinda Binti Nordin yang merupakan seorang Pengurus Showroom Nordin Batik Sdn Bhd dari tahun dua ribu tiga [2003] hingga dua ribu dua puluh [2020]. Rakaman ini dijalankan pada tarikh tiga puluh satu Disember dua ribu dua puluh [31/12/2020] bersamaan dengan hari Khamis pada pukul satu tiga puluh minit [1:30 ptg] petang melalui rakaman video secara atas talian iaitu *Skype*. Temubual ini dikendalikan oleh Syahrill Norizan dan Wan Nur Nabila.

Petunjuk:

PAN: Puan Azlinda Nordin
SN: Syahrill Norizan
WNN: Wan Nur Nabila

BAHAGIAN 1: LATAR BELAKANG TOKOH

- WNN** : Okey [Baiklah], Assalamualaikum Puan..Kami mulakan dengan soalan yang berkaitan dengan latar belakang Puan..?
- PAN** : Hmm..haa
- WNN** : Jadi boleh Puan perkenalkan diri , latar belakang mengenai umur , tarikh lahir dan nama penuh Puan?
- PAN** : Okay , nama saya Azlinda Binti Nordin , saya lahir pada *tiga* [3] Jun 1976. Haa..umur sekarang *empat puluh empat* [44 tahun] lahh.
- SN** : Oh.okay Puan. Soalan yang kedua , apakah nama panggilan Puan ?
- PAN** : *Panggilan* ? [Nama panggilan ?]
- SN** : Haa.. panggilan [nama panggilan] ..*kira* [seperti]..*kira* [seperti] nama panggilan yang yang selalu dipanggil oleh ahli keluarga ataupun *staff* [pekerja] Puan?
- PAN** : Linda ..Haa , biasanya kalau *staff* [pekerja] panggil saya Kak Linda..
- WNN** : Puan Linda lah *nie* [ini] (mencelah).. Okey , boleh saya tahu , dimanakah Puan dilahirkan dan dibesarkan ? Hmm..semasa *kecik* [kecil] *hingga* [sehingga] sekarang?
- PAN** : Okey, saya dilahirkan di Kota Bharu jugak [juga] , iaitu di Jalan Gajah Mati. haa.. betul *ke* [atau] *tak* [tidak] , betul *tu* [itu] (berfikir sejenak lalu tergelak kecil) lepas saya di besarkan di Kampung Pintu Geng..*Okey* [Okay]..Haa ..dia berhampiran dengan..rumah saya berhampiran dengan kilang Nordin Batik lah *sampai* [sehingga] sekarang. Haa..saya dulu pun [juga] belajar di *UiTM Machang* [Universiti Teknologi Mara , Cawangan Kelantan , Kampus Machang]
- WNN** : Okey [Baiklah]. (diulang sebanyak dua kali)..Pintu geng (berbisik)
- PAN** : Lepas tu [itu] kira *lepas* [selepas] belajar apa semua ..*stay* [menetap] *kat* [di] sini

sampai hari *ni* [ini]. *Tak* [tidak] pergi mana-mana pun. (tergelak kecil)

SN : Soalan seterusnya ..Berapakah bilangan adik-beradik dalam keluarga Puan dan Puan anak yang ke-berapa?

PAN : Saya ada..*enam* [6] adik-beradik..Saya anak yang sulung..Tapi adik saya yang bongsu..*Laki* [lelaki] *dah* [sudah] *meninggal* [meninggal dunia] tahun lepas sebab kemalangan..*So* [jadi] sekarang *ni* [ini] memang *lima* [5] *jelah* [sahaja lah]..Haa..

WNN : Haa..Masa Puan *kecik* [kecil]...Puan mempunyai nama timbangan *tak* [tidak] semasa *kecik* [kecil]...Contoh macam "*Along*" [nama timbangan untuk gelaran sulung] ke?

PAN : Memang lahh .. Keluarga panggil saya Along...

WNN : Kalau boleh Puan kongsi?

PAN : Keluarga memang ada sesetengah *tuh* [itu] panggil saya Along lahh..Haa

SN : Okey , soalan seterusnya..Apakah nama ayah dan ibu Puan ..Dan apakah pekerjaan mereka semasa membesarkan Puan?

PAN : Ayah saya..Haji Nordin Bin Mahmood ..*mak* [emak] saya Puan Aisah Binti Muhamad Zin..*Mak* [Emak] saya memang surirumah dari saya *kecik* [kecil] *sampailah* [sehingga] sekarang..Ayah saya memang dia buat batik lah..Peniaga batik lah sampai ke hari *nie* [ini]..

WNN : *Maksudnye* [Maksudnya] ayah dan ibu Puan *tuh* [itu] berasal dari [daripada] tempat yang sama lah kan?..Dari Pintu Geng atau daripada mana?

PAN : Dulu Haji Nordin..*Dia* [ayah saya] tinggal di Jalan Gajah Mati..Tempat saya lahir *tuh* [itu]..Haa selepas *tuh* [itu] *dia* [ayah saya] berpindah ke Pintu Geng *sampai lah* [sehingga] ke hari *ni* [ini]. *Maksudnye* [maksudnya] ,kita punya kilang *tu lah* [disitu lah].

- SN : So [Jadi] , soalan seterusnya..Adakah Puan sudah berumah tangga dan jika Ya , pada tahun berapakah Puan mendirikan rumah tangga?**
- PAN : Haa..Dah..*tahun dua ribu dua* [2002]
- SN : Okey..So [jadi]..**
- WNN : Boleh saya tahu berapakah bilangan cahaya mata, hasil perkahwinan Puan?**
- PAN : *Tiga* [3] perempuan,*sorang* [seorang] *laki* [lelaki]..Yang bongsu lelaki
- WNN : *Tiga* [3] perempuan (bercakap dengan perlahan)**
- PAN : Haa
- WNN : Okey...Haa..Puan..Pernahkah Puan menyuarakan hasrat supaya mereka dapat meneruskan..Haa..Legasi Puan apabila mereka besar nanti?**
- PAN : (Ketawa kecil) Saya *tak* [tidak] memaksa sebenarnya ..Terpulang *pada* [kepada] *diorang* lah [mereka]..Tapi dalam..Kalau ikut [berdasarkan] ekonomi sekarang *nie* [ini] memang saya *tak* [tidak] galakkan lah...Memandangkan kepada keadaan sekarang kan..Macam pandemik sekarang kan..Haa..Tapi saya *tak* [tidak] pernah memaksa...Dalam ramai-ramai anak *tuh* [saya itu] yang nombor *dua* [2] *tu* [itu] memang ada menunjukkan minat lah dalam berniaga *ni* [ini]..Haa..Yang nombor *dua* [2] *tu* [itu]..Tapi saya *tak* [tidak] pernah memaksa *diorang* [mereka].
- SN : Soalan terakhir...Boleh Puan berikan nama penuh suami Puan dan apakah kerjaya suami Puan?**
- PAN : Suami saya pun berniaga sendiri jugak..Nama penuh *dia* (suami saya) Zulkhairmain Bin Haji Che Kod..Haa..Dia memang berniaga lah..Berniaga sendiri jugak.

TAMAT BAHAGIAN 1

BAHAGIAN 2: SEJARAH PENDIDIKAN

- SN** : Okey, terima kasih Puan..kita akan bergerak ke bahagian kedua iaitu **Sejarah Pendidikan.**
- WNN** : **Puan.. (Masalah sambungan internet)**
- PAN** : Ye..ye [Ya]... Tak [tidak] dengar lah.
- WNN** : **Dimana dan pada tahun berapakah Puan memeulakan persekolahan di peringkat rendah dan menengah?**
- PAN** : Haa..*rendah* [di peringkat rendah] '83 [1983] *sampai* [sehingga] '88 [1988]..Haa darjah *nam* [enam] *tuh* [itu] kan...Lepas *tu* [itu], sambung ke *menengah* [peringkat menengah] sampai '93 [1993].
- WNN** : **Okey, boleh saya tahu masa ketika itu bagaimana Puan pergi ke sekolah waktu ketika itu jalan kaki ke , basikal ke , motor ke ,bas ke , kereta ke ?**
- PAN** : Kereta..Ayah yang hantar lah..
- WNN** : **Okey [Baiklah]**
- SN** : **So [jadi] , soalan seterusnya Puan...Apakah subjek kegemaran Puan pada zaman sekolah yang paling minat?**
- PAN** : Sekolah? (ketawa kecil)..Saya suka menghafal...Sejarah (senyum).
- WNN** : **Sejarah...Okey..lepas tu [selepas itu]..Apakah subjek ..Haa..Kegemaran Puan masa zaman..Haa..Dalam bidang *kokurikulum* [kurikulum]... Contohnya Bahasa Inggeris ke Bahasa Melayu ke?**
- PAN** : Hmmm..Maksudnya, masa sekolah menengah..(Tokoh bertanya untuk kepastian)
- WNN** : **Haa..**
- PAN** : *Tak* [tidak] ingat lahh..Tapi Bahasa Inggeris *tu* [itu] saya minat

lah...Haa..Bahasa Inggeris lah..Hmm

SN : Okey, soalan seterusnya Puan..Adakah Puan menyertai mana-mana Persatuan atau pun kelab semasa zaman persekolahan? Jika ya..Apakah Persatuan tersebut?

PAN : Hmm..Yang saya paling ingat saya *join* [sertai] Persatuan Pengguna Malaysia..Yang ada *kat* [di] sekolah menengah..Itu *je* [sahaja] lah yang saya *join* [sertai]..Saya *tak* [tidak] aktif sangat masa sekolah pun.

WNN : Kira Puan tak [tidak] aktif mana lah dalam aktiviti..Sukan..

PAN : Sukan *pon* [pun] saya *tak* [tidak] minat (ketawa kecil)..

WNN : Okey, boleh saya tahu rakan karib zaman persekolahan Puan..Yang masih Puan ingat dan masih rapat sehingga ke hari ini?

PAN : *Dak* [tidak] , *tak* [tidak] ada .

WNN : *Tak* [tidak] ada..Okey [Baiklah]..Boleh Puan ceritakan kenangan dan pengalaman yang paling istimewa lah pada zaman persekolahan...Kalau boleh Puan kongsikan pada kami.

PAN : Hmm..Kenangan..hmm..Yang paling saya suka sekali masa saya *Form Two* [Tingkatan 2] lah..Tingkatan *dua* [2] kan..Haa..Masa *tu* [itu] saya..Haa..Duduk dalam kelas yang pandai..berkawan dengan kawan-kawan yang pandai..Lepas *tu* [itu]..Masa saya *Form Two* [Tingkatan 2] pun..Saya punya geng ramai..*So* [jadi] saya suka lah..Nak jumpa kawan..Haa..Macam *tu* [itu] lah.

WNN : Okey.

SN : *So* [jadi], soalan seterusnya Puan...Siapakah sumber inspirasi waktu pesekolahan..Maksud saya..Siapakah yang menjadi penguat Puan untuk terus belajar?

- PAN : Hmm..Ayah saya lah..Haji Nordin..Bagi saya , dia lah yang banyak bagi..
- WNN : **Idola.. (mencelah)**
- PAN : Haa..Pada saya lah.
- WNN : **Selepas Puan tamat sekolah menengah..Apakah aktiviti masa lapang sebelum melanjutkan pelajaran pendidikan lebih tinggi? Maksudnya, lepas SPM [Sijil Pelajaran Malaysia]..Puan ada tolong ayah Puan ke..Apa ke..**
- PAN : Hmm..Saya *tu* [itu] je [sahaja] selepas pada *SPM* [Sijil Pelajaran Malaysia] sebelum saya masuk *UiTM* [Universiti Teknologi Mara]..Saya kerja dengan *dia* (ayah saya) lah..Haa *kat* [dekat] kilang..
- WNN : **Masa Puan belajar dekat *UiTM* [Universiti Teknologi Mara] *tu* [itu] ..Puan menyambung pengajian dalam bidang atau pun kursus apa yang Puan ambil ?**
- PAN : *Art and Design* [Kursus Seni dan Rekaan]..
- WNN : **Art Design...[Kursus Seni dan Rekaan].. (ulang jawapan)**
- PAN : *Art Design Textile* [Kursus Seni dan Rekaan : Tekstil]
- WNN : **Puan ambil kursus *tu* [itu] atas sebab minat lah kan?**
- PAN : Haa..Minat lah
- WNN : **Ataupun pilihan keluarga atau pilihan sendiri? Maksudnya pilihan sendiri lah kan Puan?**
- PAN : Hmm (tokoh mengiyakan kenyataan berikut)...Mungkin rezeki lah..Sebab sebelum *tu* [itu] banyak *dah* [sudah] saya *apply* [mohon] tapi *tak* [tidak] kan.
- WNN : **Oh, okey [baiklah].**
- PAN : Saya masuk pun *dah* [sudah] lewat..Umur saya dah [sudah] dua puluh [20 tahun] saya lewat *dah* [sudah] masuk..Maksudnya *lepas* [selepas] pada *SPM*

[Sijil Pelajaran Malaysia] *tu* [itu]..Saya *tak* [tidak] masuk lagi..Haa..Sebab *apply apply* [mohon] *tak* [tidak] dapat kan.

WNN : **Okey [Baiklah].**

SN : ***So* [jadi] soalan seterusnya Puan..Semasa Puan bergelar sebagai pelajar ..Apakah cabaran terbesar yang Puan hadapi dan bagaimana mengatasi cabaran tersebut?**

PAN : Semasa pelajar *tu* [itu]..?(tokoh bertanya untuk kepastian)

SN : ***Ye* [ya] Puan.**

PAN : Apa benda eh..(ketawa kecil)..Cabaran *tu* [itu] *tak* [tidak] lah ada sangat *kut* [mungkin]..Haa..Biase *je* [Biasa sahaja]..Bagi saya *tak* [tidak] ada apa pun yang saya ingat sampai hari *ni* [ini].

WNN : ***Enjoy* [nikmati] pembelajaran. (senyum kecil)**

SN : ***So* [jadi] semasa Puan belajar pernahkah Puan berniaga sambilan?**

PAN : *Tak* [tidak] ..*Tak* [tidak] pernah.

WNN : **Puan..Boleh kami tahu pencapaian tertinggi Puan ketika belajar?**

PAN : Pencapaian tertinggi? (Tokoh bertanya untuk kepastian)

WNN : **Haa..Jika ya, boleh Puan ceritakan sedikit..Apakah itu?**

PAN : Yang mana eh.. (tokoh keliru) Peringkat sekolah..Peringkat yang mana?

WNN : **Peringkat universiti..**

PAN : *Takde* [tiada] lah..Tapi masa pencapaian tertinggi saya..Saya dapat dekan pada semester *satu* [1] dua kali berturut lah..Macam *tu* [itu]..Haa

WNN : **Okey [Baiklah]**

PAN : Lupa *dah* [sudah]..Betul kan orang panggil (senyum kecil)..haa..Lama *dah* [sudah] tinggal..

WNN : *Dean List* [Senarai Dekan]

SN : Okey [Baiklah]..Soalan *ni* [ini]..Apa rahsia kejayaan Puan dalam bidang akademik sehingga mencapai kejayaan dalam pelajaran..Kira macam..adakah semasa Puan belajar *study group* [belajar berkumpulan] atau seorang diri?

PAN : Masa di peringkat *U* [universiti] lah..*UiTM* [Universiti Teknologi Mara] lah....Saya kan ambil *Art Design* [Kursus Seni dan Rekaan] kan..*Art Design* [Kursus Seni dan Rekaan] *ni* [ini] dia *tak* [tidak] perlukan *study group*[belajar berkumpulan] apa semua..Semua *tak* [tidak] perlu...Cuma dia punya..Apa *ni* [ini] dia perlu rajin *je* [sahaja]..Dia perlu rajin sebab kerja dia kena buat *research* [kajian] itu cara dia (belajar)..*So* [jadi] bagi saya *Art Design* [Kursus Seni dan Rekaan] *sapa-sapa* [sesiapa] yang ambil *Art* [seni] satu *je* [sahaja] kunci dia...Dia kena rajin..Kalau *tak* [tidak] rajin..*tak* [tidak] jadi sebab kerja dia memang *non-stop* [tidak berhenti] *kadang-kadang* [kekadang] *tak* [tidak] tidur.Haa..*Tu* [itu] pengalaman saya lah yang *tak* [tidak] boleh saya lupa lah..kalau saya berjuang..Haa..Saya masuk..Saya buat..Apa *ni* [ini] *Art Design* [Kursus Seni dan Rekaan] *nie* [ini]..

TAMAT BAHAGIAN 2

BAHAGIAN 3: PENGALAMAN KERJAYA

WNN : Okey Puan..Kita pergi ke pengalaman kerjaya Puan sebagai seorang Pengurus Showroom Nordin Batik Sdn Bhd..boleh Puan ceritakan pengalaman puan berkerja dalam Nordin Batik Sdn Bhd..apakah jawatan yang dipegang oleh Puan di dalam Syarikat Nordin Batik Sdn Bhd?

PAN : Okey [Okay]..Haa..maksudnya pengalaman saya berkerja lah

(pertanyaan)..maksudnya (meminta pendapat)..Atau macam mana..?

WNN : Haa..ye [ya] Puan..

PAN : Saya mula kerjaya saya *ni* [ini] awal *dua ribu tiga* [2003] lah selepas saya habis belajar..Kalau ikutkan hati saya yang sebenar cenderung kepada bidang pendidikan sebab saya minat cikgu..Tapi sebab Haji Nordin macam ayah saya kan *dia* (Haji Nordin) selalu *push* [mendorong]..Dia suka nasihat saya..Dia bukan *push* [mendorong] sangat tapi dia macam *nak* kan [mahu] sambung dia punya legasi dia kan..So [jadi] saya *kira* [anggap]..Sebab saya pernah ditawarkan untuk mengajar..Untuk jadi cikgu lah..kan..Tapi saya terpaksa tolak lah, saya *pikirkan* [fikirkan] ayah saya lah..So [jadi] saya..*Lepas* [selepas] saya *kawin* [kahwin] dalam setahun..Saya balik Kota Bharu...Saya terus jaga saya punya *showroom* [bilik pameran]..Bermula pada situ sampailah ke hari *ni* [ini]..Jadi walaupun saya ada bakat dalam melukis ke apa..Tapi saya *tak ada* [tiada] kesempatan ke arah *tu* [itu]..Saya macam kena *manage* [mengurus] saya punya *showroom* [bilik pameran]..Saya kena jaga produk..Kena jaga *pasai* [mengenai] *marketing* [pasaran] apa semua kan..Haa..Jadi *tu* [itu] lah maksudnya lebih kurang.

WNN : Boleh saya tahu Puan..Skop tugas yang dipertanggungjawabkan oleh Puan..Dalam menjadi Pengurus kepada Showroom Nordin Batik Sdn Bhd?

PAN : Skop tugas saya lah..Hmm..Dikira *tu* [itu] memang saya *jaga* [urus] semua lah..Maksudnya kalau dari segi..*Okey* [Okay]..*Production* [pengeluaran] untuk bengkel..Saya akan *manage* [mengurus]..*bincang* [berbincang] dengan yang jaga..Yang *incharge* [bertanggungjawab] bengkel *tu* [itu]..Okey..Harini saya..*This week* [minggu ini] kita akan buat apa..Nak buat *design* [lakaran] apa..Untuk..Haa kan..*Pastu* [lepas itu] dalam untuk *management* [pengurusan] *showroom* [bilik pameran] *ni* [ini] pun saya..Biasanya saya dalam *ni* [ini] lah..Saya tahu lah apa berlaku dalam *ni* [ini]..Semua kerja-kerja *showroom* [bilik pameran] *ni* [ini] saya akan *handle* [mengendalikan] lah..Cuma saya ada yang jaga bahagian apa...*sale* [jualan] kan..Macam *tu* [itu] lah lebih kurang..Kalau *tak* [tidak] *paham* [faham] tanya tau.

- SN : Okey Puan..Bagaimana Puan membahagikan masa diantara kerjaya sebagai seorang Pengurus Showroom dengan sebagai ibu dan seorang isteri ..Boleh Puan terangkan bagaiman Puan membahagikan masa ?**
- PAN :** Bahagi masa *tu* [itu] memang mencabar lah (ketawa kecil)..Mencabarlah sebab nak jaga kedai lagi..Nak jaga rumah lagi..Jaga anak lagi kan..Haa..Tapi macam *tu* [itu] lah sebab kita kena pandai lah sebagai seorang isteri..Sebagai seorang perempuan *ni* [ini] sebab kita banyak tugas kan..Kita kena pandai lah..Biasanya bila pagi anak-anak pergi sekolah..Saya terus masuk kerja lah..So [jadi] *diaorang* [mereka] balik petang apa semua ..*Settle* kan [siapkan] kerja dan apabila saya balik rumah..*Tak* [tidak] ganggu dah..Saya *tak* [tidak] *pikir* [fikir] *dah* [sudah]..Cuma dari segi..Tapi sebab kita sendiri..Masa kita adalah fleksibel..Saya *tak* [tidak] *stress* [tekanan] sangat dengan masa *tu* [itu]..Maksud dengan apa-apa kerja yang melibatkan anak *pun* [juga]..Saya boleh buat bila-bila masa pun.
- WNN : Okey Puan..Apakah cabaran terbesar Puan dalam menyandang jawatan sebagai pengurus..Cabaran lah bagi Puan daripada..Sebagai contoh..Apa ni [ini] dari segi *staff* [pekerja] Puan sendiri macam mana nak *handle* [urus]..**
- PAN :** Sebab *ye* [ya] lah ada.. Kalau dari segi cabaran *tu* [itu] memang banyak sebenarnya..Haa..Lebih-lebih lagi kalau nak kira sekarang *ni* [ini] cabaran *ni* [ini] kan lagi lah mencabar...Sebab sekarang *ni* [ini] pandemik sekarang *ni* [ini] macam..Dari segi *sale* [jualan] pun berkurangan kan..Dan saya pulak *hire* [lantik] *staff* [pekerja] lagi..Kena bayar dia punya gaji..Saya punya *overhead* [perbelanjaan perniagaan] lagi apa semua..*Tu* [itu] adalah cabaran lah..Macam mana sekarang *ni* [ini] saya nak atasi dengan cara kita kena *upgrade* [naik taraf] kita punya *sale* [jualan]..*Tu* [itu] lah cara dia..*Tu* [itu] cabaran..Tapi keadaan sekarang *ni* [ini] agak rumit lah..Agak susah lah sikit..Sekarang *ni* [ini] kita punya jualan pun *tak* [tidak] seperti sebelum *ni* [ini]..
- WNN : Jadi Puan..Daripada permasalahan tersebut apakah rancangan dan *plan* [pelan]..Yang Puan telah lakukan untuk syarikat Nordin Batik selama**

berkhimat sebagai pengurus?

- PAN : Haa..Okey salah satunya saya sekarang *ni* [ini] lebih kepada jualan *online* [atas talian] contohnya..Sebelum *ni* [ini] kita *offline* [di luar talian] kita lebih tunggu *customer* [pelanggan] datang *kaa* [ke] apa semua..Tapi sekarang *ni* [ini] dari segi..*Customer* [pelanggan] nak datang pun memang *tak* [tidak] ramai kan sekarang kan..Time [waktu] *PKP* [Perintah Kawalan Pegerakan] apa semua kan..*So* [jadi] saya kena ubah kepada *online* [atas talian] lah sekarang..Untuk saya nak *up* [tingkatkan] saya punya *sale* [jualan] bila saya ada *sale* [jualan] boleh lah saya *settle-kan* [selesaikan] saya punya gaji-gaji pekerja ke..*Overhead* [perbelanjaan perniagaan] ke..Haa macam *tu* [itu].
- SN : **Okey soalan seterusnya..Apakah prinsip hidup Puan untuk sentiasa bersemangat dan memberi motivasi kepada Puan sebelum Puan melakukan sesuatu pekerjaan?**
- PAN : Jangan putus asa dan kena rajin..Tu *jee* [itu sahaja] (ketawa kecil)..Sebab *tu* [itu]..Lepas *tu* [itu] jangan boros satu lagi..Jangan boros..Ada duit pun kena ingat kan..Masa depan *pun* (juga) panjang lagi kan..Lepas *tu* [itu] *tak* [tidak] boleh putus asa kalau keadaan pandemik sekarang *ni* [ini] contohnya kalau kita putus asa *tak* [tidak] jadi lah..Lingkup lah..
- WNN : **Tokoh yang paling Puan kagumi..Saya pastilah ayah Puan sendiri Haji Nordin Bin Mahmud kan..Jadi Puan sumbangan terbesar Puan dalam organisasi Nordin Batik Sdn Bhd**
- PAN : Hmm..Sumbangan contoh macam eh..(Tokoh meminta pendapat)?
- WNN : **Maksudnya apa yang Puan *dah* [sudah] *bagi* [beri] kepada syarikat..**
- PAN : Hmm..Mungkin..Mungkin dari segi idea-idea ke..Mungkin lah sebab kadang-kadang dari segi *production* [pengeluaran] *ni* [ini]..Contoh dari segi *design* [lakaran] ke apa kan..*Tu* [itu] kadang-kadang saya *main* [memainkan] peranan *jugak* [juga]..Sebab kita *lebih* [kepada] bagi idea macam mana nak buat sesuatu

yang baru ke..lain.. dari lain.. ke *design* [lakaran] *tu* [itu] fesyen-fesyen terkini kita nak *create* [cipta] yang macam mana..Macam *tu* [itu]

WNN : ***Upgrade* [naik taraf] lah kan Puan kan..**

PAN : Hmm..Sebab kalau kebanyakan *staff* [pekerja] ke ..*Diaorang* [mereka] *tak* [tidak] buat lah..Kalau yang di bengkel *tu* [itu] pun dia akan *refer* [rujuk] saya lah dari dulu lagi sampai hari ini...

SN : ***Okey* [Baiklah]..Pada pandangan Puan..Adakah patut rakyat Malaysia pada masa kini berbangga dengan warisan batik dan kenapa?**

PAN : Haa..Memang patut berbangga lah..Itu semestinya lah..Sebab warisan *ni* [ini] memang dari dulu sampai sekarang tak pernah orang kata boleh hilang..Jadi yang..Dia mesti kena *up to date* [terkini] dari semasa ke semasa..Dulu orang pakai batik hanya untuk “sarung”..Sekarang orang *dah* [sudah] *upgrade* [naik taraf] kepada pakaian seragam..Haa kan..*Casual* [pakaian harian]..Jadi *tak* [tidak] boleh hilang..itu... adalah kita punya orang kata apa..Satu sejarah lah untuk bangsa kita *ni* [ini]..

WNN : ***Okey* Puan..Pada masa kini apa yang Puan boleh lihat adakah Malaysia sudah dikira maju atau ketinggalan untuk dibandingkan dengan negara luar dari segi bidang perusahaan batik itu sendiri?**

PAN : Bagi saya kita *tak* [tidak] ketinggalan pun sebab setiap negara *tu* [itu] dia ada imej dia punya batik masing-masing..Haa..walaupun Indonesia dia terkenal dengan..dengan dia punya Batik *print* [cetak] kan..Kadang-kadang orang Malaysia lebih suka pada “Batik Indonesia” tapi kalau kehalusan seninya lebih baik Batik Malaysia sebab kita buat lukis tangan..*Handmade* [buatan tangan]..Cara Indonesia mungkin lebih kepada cara dia lah *kan* [mungkin]..Tapi bagi saya kita *tak* [tidak] pernah ketinggalan sebab masing-masing ada cara dia..Thailand pun..

WNN : Ada keistimewaan masing-masing..

PAN : Haa..ya ya..Walaupun sekarang China banyak *copyright* [ciplak hak cipta] kita punya Batik apa semua kan..Menghasilkan batik-batik yang lebih murah semua *tu* [itu] kan..Tapi dari segi *sentimental value* [nilai sentimental] *tu* [itu] ramai jugak yang mencari Batik yang asli lah..Maksudnya lukis tangan..*Handmade* [buatan tangan]..Macam *tu* [itu]

TAMAT BAHAGIAN 3

BAHAGIAN 4: SEJARAH DUNIA SENI BATIK

WNN : Okay...seterusnya Puan, kita akan bergerak kepada dunia dan sejarah seni batik. Okay, soalan saya Puan, boleh Puan terangkan serba sedikit mengenai apakah itu seni batik?

PAN : Ermmm...saya..*tak* [tidak] ingat lah..yang saya belajar dulu kan apa itu seni batik (ketawa kecil).

WNN : Secara ringkas lah Puan..

SN : Haa..secara ringkas lah..

PAN : Tapi bagi pendapat saya lah, peribadi kan..seni batik ni macam (berfikir sejenak) haa..satu (ulang sebanyak dua kali), seni warisan lah bagi...haaa yang turun temurun dari zaman dahulu lagi lah sampai lah ke *harini* [hari ini]. Haah.

WNN : Seni batik ni [ini] mempunyai pelbagai jenis yang berbeza *tak* [tidak] Puan?

PAN : Bagi saya, pendapat saya (sambil mengangguk kepala) ya, sebab batik *ni* [ini] kalau dikira batik *ni* [ini]...apa yang saya ingat saya belajar dulu *dia* [batik] adalah titik-titik lilin yang bersambung maksudnya macam *tu* [itu] , lebih kurang. Haa (sambil mengangguk kepala) kan. Haa...bila dia bersambung *tuh* [itu] lilin semua *tu* [itu] dia akan menghasilkan batik lahh. Maksudnya haa..

WNN : Untuk menghasilkan batik seperti kita tahu *dia* (batik itu sendiri)

memerlukan ketelitian yang tinggi Puan kan?

PAN : (Tokoh mengangguk-angguk kepala) haa..haa..betul.

WNN : Adakah batik memerlukan peralatan yang khusus dan bagaimana batik itu dihasilkan. Boleh Puan ceritakan secara ringkas lah?

PAN : Penghasilan batik maksudnya (Tokoh bertanya untuk kepastian)..

WNN : Haah, bahan-bahan yang diperlukan..

PAN : *Okay* [baiklah]..kalau secara ringkas bahan yang diperlukan , semestinya lilin kan? Lilin untuk melukis *lepasitu* [lepas itu] , *tu* [itu] lah (alat-alat mewarna). Alat-alat mewarna untuk kita warna lepas kita lukis lilin *tu* [itu] , kita lukis *design* (reka bentuk) dengan menggunakan lilin. Maa, maa(tokoh memanggil pekerja semasa temuramah berjalan) keja ye [ya] (tokoh meminta masa) . *Lepasitu* [Lepas itu] , kita guna warna kita akan *fixed* [tetap] kan *color* [warna] menggunakan satu chemical [bahan kimia] dipanggil "*silicate*" [silikat].

WNN : *Silicate* [silikat] , *okay* [baiklah]..

PAN : Haah...hm..hm..(berfikir sejenak). *Tula* [Itu la] *basic* [asas] kita punya alat yang kita guna.

WNN : *Okay* [Baiklah] Puan, selain dari ayah Puan sendiri...Nordin Batik (membuat pembetulan) Haji Nordin bin Mahmood, siapakah lagi perintis batik yang dikenali Puan di Kelantan?

PAN : Hah..perintis?

SN : Haa, *ye* [ya].

WNN : Haah perintis seni batik.

PAN : Hmm (fikir sejenak) yang saya kenal...yang sebelum ni ke? Ke macam mana? (tokoh bertanya untuk kepastian)

SN : Haa, *ye* [ya]..*ye*[ya] Puan.

WNN : Haah, *ye* [ya] Puan..yang selain dari ayah Puan sendiri..

PAN : Haa (fikir sejenak).. (tokoh mendongok keatas) yang saya kenal “Samasa Batik” (perintis batik terkenal di Kelantan)...kan. “Samasa Batik” (perintis batik di terkenal di Kelantan), *tu* [itu] orang-orang lama lah, tapi “Samasa Batik” (perintis batik di Kelantan) dia punya *owner* [pemilik] saya rasa *dah* [sudah] meninggal..saya rasa. Saya rasa lah (tokoh tidak pasti akan jawapan) *tak* [tidak] *sure* [pasti] yang *tuh* [itu]. Haa..tapi kalau ikut Haji Nordin...macam ayah saya dia cakap *dah* [sudah] ramai *dah* [sudah] yang sebelum-sebelum ni *dah* [sudah]..*dah* [sudah] *takde* [tidak ada] lah. *Dah* [sudah] meninggal *dah* [sudah]. Haa..cuma yang saya kenal macam *tu* [itu] lah.. “Samasa Batik” (perintis batik terkenal di Kelantan), haa..pastu ada yang di “Kraf Tangan” kan, ada lah *sorang* [seorang] dua, tapi saya *tak* [tidak] ingat nama. Tapi *tak* [tidak] ramai lah..*tak* [tidak] ramai.

WNN : Okay Puan , seperti saya tahu minat Puan dalam bidang batik bermula dari sejak kecil lagi lah kan, adakah Puan sudah didedahkan dengan pemerhatian di dalam bidang, bidang batik ini sejak zaman kanak-kanak lagi.

PAN : Hum..hum (Tokoh angguk kepala)

WNN : Jika Ya, boleh Puan cerita secara ringkas lah pengalaman Puan ketika itu?

PAN : Saya *ni* [ini]..*nak* [hendak] kata minat sangat *tak* [tidak] *jugak* [juga]. *Tak* [tidak] minat *tu* [itu] *tak* [tidak] lah *jugak* [juga]. Tapi sebab semasa dari kecil *tu* [itu]. Rumah saya sebelah dengan kilang, okay..jadi kalau selepas balik sekolah saya pergi kilang, saya tengok... (senyum kecil mengingati peristiwa zaman dahulu) apa *ni* [ini]..pekerja-pekerja ayah saya buat kerja, melukis, mewarna. Hari-hari saya punya *routine* [harian] macam *tu* [itu]. Jadi lama-lama *tu* [itu] macam menarik minat saya lah...haaa *lepas* [lepas itu] saya suka ikut Haji Nordin

(bapa saya) keluar jumpa *supplier* [pembekal] dia (ayah saya), jumpa dia (ayah saya) punya pembeli ke apa *sume* [semua]...Haa..saya suka ikut..haa jadi dari situ, mungkin minat saya datang secara perlahan-lahan lah *kot* [mungkin].

WNN : Okay...

SN : **Jadi Puan, *kira* [macam] selain dari ayah Puan, *tu* [itu] *kire* [macam] ada *tak* [tidak] orang lain yang mempengaruhi Puan supaya Puan menceburi bidang dalam seni batik ini.**

PAN : *Takde* [Tidak ada]...(senyum kecil) ayah saya *je* [saja].

PAN : (Angguk kepala sambil senyum)..

WNN : **Okay Puan, boleh saya tahu permasalahan yang dihadapi dalam industri batik?**

PAN : Permasalahan *tu* [itu] *biasanya* [kebiasaannya] persaingan lah, sebab sekarang *ni* [ini], persaingan *tu* [itu] banyak jenis maksudnya..sebab sekarang *ni* [ini] yang *tak* [tidak] tahu batik, yang *tak* [tidak] tahu buat batik pun boleh jual batik sekarang *nih* [ini]. Haa..contohnya macam *online* [atas talian] kan..haa *online* [atas talian] *diorang* [mereka] boleh jual batik, *ambik* [ambil] dengan *suppliers* [pembekal] *just* [cuma] *jual* [menjual] *je* [saja] macam *tu* [itu] kan (tokoh sedang batuk). Harga pun mungkin *tak* [tidak] sama dengan kita ke..apa ..ke semua, mungkin *diorang* [mereka] boleh jual murah lagi ke. Haa..itu lah maksudnya (tokoh sedang batuk).

WNN : **Okey [baiklah] Puan, adakah faktor pekerja yang berusia dan kebergantungan bahan mentah menjadi salah satu faktor permasalahan di dalam industri batik pada masa kini?**

PAN : Dari segi pekerja kan..dari segi pekerja kalau dulu, haa sekarang *ni* [ini] kalau yang muda-muda *diorang* [mereka] *tak* [tidak] *nak* [mahu] *keje* [kerja] batik *taknak* [tidak mahu] buat batik, *taknak* [tidak mahu] buat mewarna, *taknak*

[tidak mahu] mencanting. Hari *tu* [itu] yang muda ada *apply* [memohon] datang sini..haa *dua* [2] minggu je [saja] *lepas* [lepas itu] dia mintak [minta] *keje* [kerja] lain. Mungkin dari segi ketahanan daya saing *tu* [itu] dia *tak* [tidak] mampu lah *kot* [mungkin] berbanding dengan yang sebelum *ni* [ini] kan. Haa..tapi dari segi *tu* [itu] lah sebab sekarang *ni* [ini] saya pun risau kalau pekerja yang sedia ada, bahagian mewarna, melukis *ni* [ini]..kalau *diorang* [mereka] *dah* [sudah] habis tempoh, *tak nak* [tidak mahu] kerja, saya nak cari siapa lagi..haa maksudnya macam *tu* [itu]...haa lepas *tu* [itu] dari segi bahan mentah *tu* [itu] bagi saya *takde* [tiada] masalah sebab sekarang *ni* [ini] boleh dapat dengan *suppliers* [pembekal] yang *local* [tempatan]. Haa..kita *tak* [tidak] pernah lagi lah, *tak* [tidak] ada, *tak* [tidak] boleh cari kita punya bahan mentah *sume* [semua] *tu* [itu] *takde* [tiada] masalah lah (tokoh membuat pergerakan toleh ke kiri).

WNN : Jadi Puan dapat meneruskan perniagaan dalam bidang perusahaan batik ini dengan macam mana...Puan meneruskan dengan meneruskan kehidupan dengan norma baru dalam pandemik Covid-19 ni. Adakah sukar (susah) dan menjejaskan bagi seorang usahawan seperti Puan?

PAN : Maksudnya macam mana saya *nak* [hendak] berniaga..meneruskan perniagaan *ni* [ini] lah.. dalam tempoh pandemik *ni* [ini]? (tokoh bertanya untuk kepastian)

WNN : *Haah* [Ye] betul Puan.

SN : **Betul Puan.**

PAN : Haaaa..hurm (fikir sejenak) biasanya dari..kalau dari segi sekarang *ni* [ini] saya macam teruskan lah *jugak* [juga] sebab mungkin dari segi tempahan-tempahan, *special order* [tempahan khas] daripada jabatan-jabatan tertentu pun *tak* [tidak]..*tak* [tidak] sebagaimana dulu lah...kan. Tapi..walaupun macam mana pun..saya tak boleh *stop* [berhenti] sekerat jalan lah, saya kena teruskan, mungkin dari segi..cara, dari segi macam mana..saya..nak *tackle* [mengatasi] *customer* [pelanggan] *tu* [itu]..saya kena ubah, saya tak boleh seperti dulu lagi

lah..haaa saya *just* [cuma] tunggu *customer* [pelanggan] datang ke..haa *tu* [itu] saya tak boleh, saya kena ubah...pada satu cara yang lebih..ikut keadaan sekarang lah. Macam *tu* [itu] tapi kena teruskan *jugak* [juga] lah. Haa...tak boleh *brenti* (berhenti) macam *tu* [itu] *je* [saja] (senyum kecil).

WNN : Okay [Baiklah]..

PAN : Hum..hum (Nada mengiyakan)..

WNN : Seperti kita sedia maklum Puan, err (berfikir sejenak)..kebanyakan..ada sesetengah pemilikan industri batik tidak menerima pendidikan yang tinggi. Jadi adakah Puan berpendapat golongan tersebut sukar untuk mengembangkan lagi industri batik mereka.. kearah tahap yang lebih tinggi kerana berkemungkinan besar golongan ini..enggan berurusan dengan institusi kewangan untuk membuat pinjaman sebagai contoh lah..?

PAN : Hm..boleh ulang sekali lagi..panjang sangat..? (Temubual berhenti seketika) Boleh ulang sekali lagi haa...(Tokoh meminta soalan diulang sekali lagi).

WNN : (Gelak kecil)..Macam *ni* [ini] Puan, (senyum) kebanyakan pemilikan industri batik haaa... tidak menerima pendidikan yang tinggi..jadi adakah Puan rasa..golongan tersebut (golongan tidak menerima pendidikan tinggi), golongan ini..sukar untuk mengembangkan lagi industri batik mereka kearah yang lebih tinggi? Sebagai contoh mereka *ni* [ini] beranggapan mungkin dari segi faktor besar golongan ini...*tak nak* [tidak mahu] berurusan dengan institusi kewangan sebagai contoh..untuk membuat pinjaman....

PAN : Humm..hummm...hummm..emmm..maksudnya kalau contoh seperti saya lah..kan.

WNN : Haa (Angguk kepala)..

PAN : Haaa...maksudnya..yang..*nak* [mahu] bekerja dengan saya ke? Atau macam

mana *tu* [itu]...? (tokoh meminta pendapat)...yang nak bekerja dengan saya?

WNN : Haa..yang industri (membuat pembetulan) yang industri pemilikan batik yang lain lah.....Orang luar yang tidak mempunyai..pendidikan yang tinggi maksudnya...macam itu.

PAN : Humm, humm..dia *tak* [tidak] semestinya sebab batik...*ni* [ini]..dia *tak* [tidak] perlu (pendapat dari tokoh) bagi saya...lah..pendapat saya *tak* [tidak] perlu pendidikan yang tinggi tapi dia punya skills [kemahiran]... *tu* [itu]..dia kena tinggi...dia kena tahu. Haa..*let's say* [katakan] kata dia (usahawan batik) *nak* [hendak] *bukak* [buka]..haa.. bengkel batik ke..apa..semua. Kalau dia (usahawan batik) *tak* [tidak] boleh *nak* [hendak] cari pekerja batik. *Atleast* [sekurang-kurangnya] dia (usahawan batik) sendiri..kena tahu..bagaimana cara *nak* [hendak] buat..kalau dia *nak* [mahu] memiliki bengkel..batik sendiri lah..Tapi kalau dia *just* [cuma] *nak* [hendak] jual melalui *online* [atas talian] ke..dia *nak* [hendak]..haa *tu* [itu]..bagi saya..err..haaa..itu semua *tak* [tidak] penting lah. Kalau dia (usahawan batik) ada pelajaran tinggi ke..*tak* [tidak] tinggi ke..dia (usahawan batik) boleh teruskan. Tapi, kalau dia (golongan berpendidikan rendah) *nak* [mahu] untuk teruskan dalam industri batik secara..maksudnya dia *nak* [hendak]..harr..*hire* [mengupah] pekerja ke apa *sume* [semua]...bagi saya yang penting adalah ilmu *tu* [itu] , *skills* [kemahiran] dia (usahawan batik), dia kena tahu.. kalau dia (usahawan batik) *just* [cuma] masuk (menceburi) dia kata dia *nak* [hendak] buat batik tapi *tak* [tidak] tahu cara *nak* [hendak] lukis ke..cara *nak* [hendak] mewarna ke..memang *tak* [tidak] boleh (tokoh mengeleng kepala)...memang susah..kita *tak* [tidak] ada masa *nak* [hendak] ajar apa *sume* [semua] *tak* [tidak] boleh..kita *tak* [tidak] buat macam *tu* [itu]. Haaa..dia (usahawan batik) ada dua [2]..*dua* [2]...*dua* [2]...benda yang berbeza..lah bagi saya. Macam *tu* [itu]...Sebab..haa sekarang *ni* [ini] ramai..yang saya tahu lah...melalui haa..contohnya..*Art Design* [seni reka] punya *student* [pelajar] apa *sume* [semua] kan. Haa ramai yang *bukak* [buka]..buat sendiri ada..dan *design* [reka bentuk] *diorang* [mereka] *ni* [ini] adalah lebih..lebih *exclusive* (mewah dan

mahal)..haa *dia* [reka bentuk], sebab kita..belajar kan (senyum) haa (tokoh mengangguk kepala) lebih..*exclusive* [mewah dan mahal]. Kalau yang pekerja saya *ni* [ini] dia bukan daripada..err..*budak-budak* [pelajar] Universiti Teknologi Mara UiTM ke apa.....tak [tidak]! *Dia* [Pekerja] daripada pengalaman daripada *diorang* [mereka] muda sampai lah dia (pekerja) sekarang..haaa...(angguk kepala) macam *tu* [itu].

SN : Okay Puan, seterusnya..masyarakat pada masa kini kebanyakannya mereka tidak memahami batik (membuat pertunjukan pergerakan tangan ke kiri dan kanan) sebagai satu warisan yang tinggi yang perlu kita pelihara. Jadi apakah pendapat Puan, terhadap golongan tersebut?

PAN : Hmm..yang *tak* [tidak] memahami, yang *tak* [tidak] dapat memahami batik..golongan muda lah kan. Maksudnya...macam *tu* [itu] (tokoh meminta pendapat)?

WNN : Betul Puan..

PAN : Okay, cara saya mungkin..kita *bulih* [boleh]...errr (berfikir sejenak)..bagi dia (golongan muda) minat, dia (golongan muda) suka dengan cara kita..err..buat batik *tu* [itu]..dengan apa *nih* [ini]...maksudnya kita *apply* kan [memohonkan] corak batik *tu* [itu] pada....contoh lah kan...pada kita buat skirt ke, kita lukis batik, kita buat lebih moden, lebih *abstract* [abstrak] apa semua...untuk kita menarik minat *diorang* [golongan muda] untuk pakai. Sebab kalau sarong apa semua *of course* [sudah tentu] lah *tak* [tidak] pakai kan...haah budak sekarang, tapi kita tukar kepada...fesyen-fesyen terkini ke.. kita buat *shirt* [baju] ke macam mana..haa yang kanak-kanak *tu* [itu] *pulak* [pula] kita buat baju-baju *casual* [pakaian harian], ada saya buat untuk *tu* [itu] *diorang* [kanak-kanak] tapi kan okay lah ramai *parents* [ibubapa]..*parents* [ibubapa] yang beli. Ada jugak..haa..*tu* [itu] saja cara untuk *nak* [hendak] menarik minat lah untuk golongan muda sekarang *ni* [ini]..haa..macam *tu* [itu], dan sekarang *ni* [ini] kita banyak *jugak* [juga]....barang-barang macam (berfikir sejenak)...haa..

WNN : Kraf tangan...

PAN : Haaa, barang kraf kan...contohnya kain-kain batik kita buat *pencil box* [kotak pensil], kita buat kotak tisu, haa *tu* [itu] semua untuk kita menarik minat lah..mungkin untuk..golongan-golongan muda lah..macam *tuh* [itu].

SN : Okay Puan, *kire* [jadi] apakah inisiatif syarikat Nordin Batik Sdn Bhd untuk mengekalkan identiti dan budaya melayu melalui batik dalam menyumbang ekonomi dalam negara? Boleh Puan terangkan?

PAN : Kalau di Nordin Batik...kan..kita macam kita kekalkan kita (Nordin Batik) punya identiti dengan cara kita jaga servis kan (saya jaga) saya punya servis..*kat* [dekat] sini macam mana.. sebab *kat* [dekat] sini...kita ada..*showroom* [bilik pameran], macam mana *customer* [pelanggan] datang.. kita jaga kita punya *service* [perkhidmatan]. Yang kedua kita jaga kita punya *quality* [kualiti] macam mana..haa dan saya *ni* [ini] *kat* [dekat] sini... *kat* [dekat] sini kita ada *showroom* [bilik pameran]..*so* [jadi].. bermakna saya menjual pelbagai jenis batik...haaa saya macam mempunyai impian untuk memperbanyakkan *lagi* saya punya mempelbagaikan lagi... saya punya produk lah. Haa..sekarang ni [ini] kalau saya ada *dua puluh* [20] jenis produk sahaja, saya mempunyai impian untuk tambah lagi sampai seratus produk..pelbagai jenis produk batik. Haa..macam *tu* [itu].

WNN : Jadi Puan, apakah yang diperlukan oleh seorang penggiat seni batik? Apakah ciri-ciri yang perlu ada pada seorang usahawan yang mempunyai minat dalam perniagaan seni batik?

PAN : Humm..ciri-ciri lah...(tanya pendapat)..kadang-kadang apa yang saya biasa, Haji Nordin *share* [berkongsi] lah dengan saya. Kalau ikutkan pengalaman dia (Haji Nordin) macam saya cerita tadi lah..kita...ciri-ciri *tu* [itu] , kita kena rajin lah sebenarnya haa saya ingat Haji Nordin *ni* [ini] contoh ayah saya dia *tak* [tidak] ada pendidikan pun. Dia (bapa saya) sampai tingkatan *tiga* [3] pun *tak* [tidak] habis, tapi dia (Haji Nordin) keluar daripada...err..kelompok..daripada dia punya kelompok macam *tu* [itu] dia (Haji Nordin) terus berniaga, dia (Haji Nordin)

terus buat kain batik haa..masa umur dia (Haji Nordin) belasan tahun dan dia (Haji Nordin) *tak* [tidak] pernah putus asa, dia (Haji Nordin) selalu haaa..dia (Haji Nordin) rajin sampai ke *harini* [hari ini]. Haaa..bagi saya ciri-ciri *tu* [itu] kena ada lahh haa..kalau malas tak jadi *jugak* [juga] (gelak besar).....ada duit banyak pun *tak* [tidak] jadi kalau malas (gelak besar) Haaa..

TAMAT BAHAGIAN 4

BAHAGIAN 5: LATAR BELAKANG NORDIN BATIK SDN BHD

- SN : **Jadi , apakah jenis perniagaan Syarikat Nordin Batik Sdn Bhd dan bilakah penubuhan syarikat itu?**
- PAN : Nordin Batik *ni* [ini]..ha..memang kita punya company Sdn Bhd, Nordin Batik dan Craft Sdn Bhd. Kalau *showroom* [bilik pameran] kita tubuhkan tahun *dua ribu dua* [2002] tapi...kalau kilang daripada *tahun sembilan belas tujuh puluh tujuh* [1977] secara rasminya, sebelum *tu* [itu] Haji Nordin buat rumah haa..buat..apa *ni* [ini], batik *tu* [itu] *kat* [dekat] rumah-rumah orang, tumpang-tumpang macam *tu* [itu] *je* [saja] tapi selepas saya lahir, *kitaorang* [kami semua] pindah Pintu Geng memang secara rasminya dan tahun '77 [1977] *tu* [itu] lah kilang dan Showroom bermula dari tahun '02 [2002]. Kilang masih lagi lah...*still* [masih] sampai ke hari *ni* [ini], Cuma dari segi pekerja *tu* [itu] memang berkurangan lah. Dulu kita ada beratus-ratus, sekarang *ni* [ini] hanya lah dalam *sepuluh* [10] orang macam *tu* [itu] *je* [saja] di kilang.
- SN : **Okay soalan seterusnya Puan, dimanakah Wisma Nordin berada dan apakah tujuan objektif Wisma Nordin ditubuhkan?**
- PAN : Wisma Nordin berada di Kampung Pintu Geng (nama kampung) haa..maksudnya di tepi jalan lah, luar sikit dari kilang (kilang dalam kampung)..haa..*ni* [ini] di Showroom kita di tepi jalan la..*so* [jadi] objektif kita tubuhkan *Showroom* [bilik pameran] *ni* [ini] adalah untuk *nak* [hendak] menjual secara haa..maksudnya kita boleh menjual produk yang kita hasilkan secara

retail [runcit]. Sebab dulu bila kita ada kilang, kita *tak* [tidak] jual secara borong...*so* [jadi] kita *takde* [tiada] tempat untuk nak *display* [pamer] kita punya produk apa semua kan. Jadi objektif kita *bukak* [buka] *showroom* [bilik pameran] kita haa...*Showroom* [bilik pameran] *ni* [ini] adalah untuk salah satu lagi adalah untuk *ni*[ini] lah sebagai satu tempat, tempat pusat pelancongan lah satu lagi haa..dan satu lagi untuk kita nak *display* [pamer] kita punya produk, kita ada tempat untuk kita jual..macam *tu* [itu].... walaupun kalau *takde* [tiada] orang datang beli borong, kita boleh jual produk kita sendiri macam *tu* [itu].

WNN : Okay. Boleh Puan cerita pada kami titik tolak penubuhan syarikat Puan, daripada mula beroperasi sehingga masa kini?

PAN : Hurm..(berfikir sejenak) maksudnya (tokoh bertanya untuk kepastian) macam mana *tu* (itu)?

WNN : Maksudnya perjalanan lah, contoh macam ada turun naik ke..apa..ke?

PAN : Pada tahun '02 [2002] *tu* [itu], semasa kita..ermm (nada suara)..Wisma haa..kita punya *showroom* [bilik pameran] *ni* [ini] nak beroperasi masa *tu* [itu] arwah Datin Seri Endon kan haaa..Datin Seri Endon *tu* [itu] dia memang mewar-warkan untuk menaik-taraf lagi batik pada masa *tu* [itu]. Haa..jadi masa *tu* [itu] Haji Nordin pun memang haa...*tak* [tidak] *nak* [mahu] *bukak* [buka] *showroom* [bilik pameran] sebenarnya, dia nak buat benda lain tapi disebabkan oleh Arwah Datin Seri Endon masa *tu* [itu] semangat nak menaikkan batik, *so* [jadi] kita *bukak* [buka] semula batik ini.... kita balik pada target asal kita lah. Nak jual batik *ni* [ini] kan..haa..*so* [jadi] kita *bukak*[buka].

WNN : Okay Puan, soalan seterusnya adakah pekerja ataupun *staff* [pekerja] di syarikat ini (syarikat Nordin Batik Sdn Bhd) terdiri dari masyarakat tempatan ataupun terdiri dari ahli keluarga dan berapakah ramai pekerja?

PAN : Em *kat* [dekat] sini saya punya adik ada *dua* [2] orang, *lepas* [lepas itu] haa..yang lain semua pekerja, (pekerja tempatan) lah haa..dalam “berapa *ore* [orang] sini” (tokoh bertanya kepada pekerja)..hurmm..*kat* *showroom* [bilik pameran] *ni* (ini) ada *tujuh* (7) orang *staff* [pekerja] lah. Maksudnya, pekerja tempatan *tu* [itu].....daripada warganegara sahaja. Hurm hurm (tokoh

mengangguk kepala)..

WNN : Okay [Baiklah].....

PAN : Dan kebanyakkan yang tinggal berhampiran lah dengan *showroom* [bilik pameran] haa..kebanyakannya.

WNN : Okay Puan, apakah kebajikan yang syarikat Puan berikan kepada pekerja-pekerja?

PAN : Hurm (nada mengeluh).. kebajikan, contohnya macam mana *ye* [ya]?

WNN : Kebajikan, maksudnya...bantuan ke...atau dari segi apa Syahrill (meminta pendapat rakan seperjuangan)?

SN : ***Kira* [Contohnya] adakah Puan ada sediakan Perkeso ke, KWSP ke untuk pekerja?**

PAN : Haaa...yang *tu* [itu] ada saya bagi *Social Security Organization* (SOCSO), *Kumpulan Wang Simpanan Pekerja* (KWSP) apa semua ada (tokoh mengangguk kepala).

WNN : Puan, boleh saya tahu jumlah kos keseluruhan pembinaan Wisma Nordin dan terbahagi kepada berapa bahagian dalam bangunan itu. Ada berapa bahagian?

PAN : Erm...kalau kos pembinaan *showroom* [bilik pameran] *ni* [ini]...bina Wisma Nordin *ni* [ini], kalau itu, Haji Nordin *tak* [tidak] bagi tahu secara *specific* [khusus] haa..tapi mencecah la *1 Million* [1juta] *tu* [itu]... mungkin la haa..*tu* [itu] semua pun *asset* [aset] dari Haji Nordin sendiri la. Kita *tak* [tidak] pernah buat pinjaman apa semua lah untuk bina. *Ni* [ini] adalah satu...orang kata bukti lah Haji Nordin, sebab daripada dia usaha dari muda sampai sekarang, akhirnya dia boleh bina satu Wisma, satu bangunan haa..dan *kat* [dekat] sini ada dua bahagian lah yang boleh....sebab *kat*[dekat] *showroom* [bilik pameran] *ni* [ini], dia memang memanjang macam *tu* [itu]. Satu *hall* [dewan] macam *tu* [itu] kan, cuma *kat* [dekat] belakang *tu* [itu] kita buat satu *session* [sesi] untuk kraf, *tu* [itu] *je* [saja]. *Kat* [dekat] depan *ni* [ini] semua kita jual batik, ada satu bahagian *kat* [dekat] belakang *tu* [itu] kita jual barang-barang kraf.

SN : Okay Puan soalan seterusnya, apakah mutu keunggulan Batik Nordin Sdn

Bhd di negeri Kelantan?

- PAN : Moto? (ekspresi muka terkejut)
- SN : **Haa mutu keunggulan..**
- WNN : **Aaa bukan mutu, M-U-T-U (nama orang)**
- PAN : Oh mutu..mutu (Gelak besar)...
- WNN : **Macam...kualiti syarikat..**
- SN : **Adakah syarikat Nordin Batik mempunyai sesuatu kualiti keunggulan ke macam mana. Lebih kurang macam *tu* [itu] la soalan dia (berbalik kepada soalan asal).**
- PAN : Sekejap eh, sekejap. Ada *whatsApp* [aplikasi komunikasi] masuk *pulak* [pula] (tokoh melihat telefon), tak dengar..... (tokoh kurang jelas)
- WNN : **Boleh Puan.**
- PAN : Okay *semule* [semula], *semule* [semula]....maaf eh *semule* [semula]. *Kat* [Dekat] mana, mutu.....keunggulan *takdi* [tadi] (pertanyaan)?
- SN : **Ye [Betul]..**
- WNN : **Matlamat la...macam wawasan..**
- PAN : Oh...matlamat maksudnya, kejap.. kejap (temubual berhenti seketika). *Okay* [Baiklah] dari segi apa tadi..... kualiti....
- WNN : **Ha....ye [betul]**
- PAN : Kualiti produk ke, kualiti apa tadi...?
- WNN : **Kualiti produk ataupun wawasan syarikat?**
- PAN : Kalau macam saya, dari segi produk, kualiti *tu* [itu], kita kena jaga la...dari segi kita punya *raw materials* [bahan mentah] *tu* [itu], kita *tak* [tidak] boleh nak guna barang-barang yang murah, bahan-bahan yang murah tapi kita *nak* [hendak] jual mahal, haa...itu *tak* [tidak] adil la kan, haaa...jadi kita kena jual, sebab kalau kita *nak* [hendak] jual harga mahal...haa kita kena guna bahan-bahan yang elok. Tapi kalau yang murah pun memang saya guna bahan yang sama *je* [saja]. Haa..*tu* [itu] dari segi kualiti...sebab saya *tak* [tidak] *nak* [mahu] bila orang guna barang kita....orang beli nanti (orang basuh)...luntur ke warna keluar ke, warna keluar ke, haa..semua saya *tak* [tidak] *nak* [mahu] macam *tu* [itu]. *So* [jadi]....dari segi

saya punya *company* [syarikat] (Nordin Batik Sdn Bhd) *ni* [ini]...saya macam nak suatu hari nanti Nordin Batik *ni* [ini] boleh jadi salah satu pusat pelancongan lah haa..di Kelantan *ni* [ini]. Maksudnya kalau *sape-sape* [sesiapa] yang datang ke Kelantan...kalau ingat (“Batik”) dia akan datang sini. Macam *tu* [itu].

WNN : Okay Puan, sepanjang penglibatan Puan dalam syarikat Nordin Batik, adakah syarikat Puan mengalami kesukaran apabila berurusan dengan syarikat luar negara?

PAN : Haa...memang, dari segi masalah dengan luar negara *tu* [itu], memang adalah, sebab salah satunya, memang diorang (pelanggan luar negara) punya *taste* [citarasa] *tak* [tidak] sama dengan kita punya *taste* [citarasa]...haa kadang-kadang dia *nak* [hendak] sesuatu yang lain dari yang lain.....tapi kita *tak* [tidak] buat sebagaimana yang dia *nak* [mahu] lah.... dan produk yang sedia ada pun memang *tak* [tidak] ada sebagai mana yang dia *nak* [mahu]. Haa..macam *diorang* [pelanggan luar negara] yang luar negara *ni* [ini] lebih *prefer* [cenderung] pada benda-benda yang lebih moden lah...contohnya macam *scarf* [tudung] ke..*neck tie* [tali leher] ke...haaa *casual* [pakaian harian] yang lebih *up to date* [mengikut perkembangan semasa] apa semua lah. *So* (Jadi) macam *kat* (dekat) sini, kita lebih *lapan puluh peratus* [80%], *sembilan puluh peratus* [90%] *tu* [itu]..memang kita lebih kepada pakaian orang Malaysia (pakaian tradisional) lah. Haaa..contohnya, yang kain *empat* [4] meter ke, untuk baju kurung ke, mini kurung, kurung moden (baju traditional melayu wanita) macam....haa..dan kalau untuk dari segi sekarang *pulok* [pula] kita ada *problem* [masalah] dengan *satu* [1] customer [pelanggan] daripada Moscow, *tak* [tidak] silap saya kan...maksudnya dia *nak* [hendak] produk daripada kita, dari segi penghantaran *tu* [itu] memang masalah lah. Jadi banyak benda dia suruh kita buat, *so* [jadi] saya *tak* [tidak] boleh penuhi lah, semua *tu* [itu]....sebab memang sukar bagi pihak saya (Nordin Batik) macam *tu* [itu]. Jadi pada *first year*[tahun pertama], *second year* [tahun kedua] *tu* [itu] dalam *lima* [5] tahun pertama *tu*[itu], memang kita punya jualan memang agak rancak lah. Kita banyak terima

tempahan, kita banyak (berfikir sejenak)...apa *ni* [ini]...dan pada masa *tu* [itu], Kelantan *pulak* [pula] buat “Jubli Emas” (perayaan memperingati ulang tahun yang kelima puluh) *tak* [tidak] silap saya...bila buat “Jubli Emas” (perayaan memperingati ulang tahun yang kelima puluh) , ramai “sultan-sultan” (gelaran bangsawan) dari seluruh Malaysia datang sini dan ada sebahagian.. dan “sultan-sultan” yang datang *tu*[itu], *diorang* [sultan-sultan] datang ke *showroom* [bilik pameran] pada masa *tu*[tu]...haaa kalau *nak* [mahu] gambar (pertanyaan), saya boleh *snap* [tangkap] gambar hantar..

WNN : Boleh Puan....

PAN : Haaa...jadi pada masa *tu* [itu] , kita punya *bisnes* [perniagaan] memang kencang [pantas] lah. Saya pun memang suka...kita punya pekerja masa *tu* [itu], *showroom* [bilik pameran] pun memang ramai (pekerja) dan dari segi apa *ni* [ini].....dari segi barang produk pun memang banyak la semua...*customer* [pelanggan] pun ramai datang, yang balik “KB” (Kota Bharu) pun semua datang sini.....cuma *lately* [kebelakangan] sekarang *ni* [ini] (nada kecewa)...keadaan dah berubah..ekonomi agak menurun, kita punya *bisnes* [perniagaan] memang agak menurun lah..tapi masih lagi ada (nada bersyukur). Masih lagi..haa masih lagi.

WNN : Boleh Puan cerita apakah strategi pemasaran yang digunakan bagi mempromosikan batik-batik di dalam dan di luar?

PAN : Cara promosi (satu pertanyaan)?

WNN : Haah [Betul].

SN : Ye [Betul], Puan.

PAN : Cara promosi, biasanya sebelum *ni* [ini], sebelum..sebelum ini lah, haaa..sebelum meluasnya kita punya (berfikir sejenak)...haaa apa *ni* [ini], Whatsapp [aplikasi telefon pintar percuma] apa *sume* [semua] kan. Sebelum *ni* [ini] saya banyak promosi melalui majalah-majalah, radio..contohnya sebelum buka puasa kan...dulu kita pernah dengar radio “Kota Bharu” *sume* [semua] macam *tu* [itu] dan *now* [sekarang]..sekarang [ini], saya *tak*[tidak] buat *dah* [sudah] macam *tu* [itu]...saya lebih kepada macam *ni* [ini] la....*Fb* [Facebook] kan, “*Fb*” [Facebook] saya buat *Ads* (Facebook Advertisements) [pengiklanan

mukabuku], lepas tu [itu] melalui *IG* (Instagram), itu *je* [saja] cara-cara yang sekarang *ni* [ini] saya buat dan lebih kepada haa..lebih cepat la bagi saya macam *ni* [ini]. Kalau kita buat melalui majalah apa sume [semua]...masuk “*TV*” [televisyen] apa *sume* [semua] *tu* [itu] kos besar dan sekarang *ni* [ini] memang *tak* [tidak] mampu la untuk buat cara *tu* [itu].

SN : Apakah kenangan manis yang diingati oleh syarikat Nordin Batik Sdn Bhd sepanjang penglibatan dalam industri seni batik. Boleh Puan ceritakan dengan lebih lanjut tak?

PAN : Kalau...*jap* [kejap] eh kejap (temubual berhenti seketika)..... Kalau kenangan manis *tu* [itu] pada peringkat awal penglibatan Nordin Batik lah...sebab masa peringkat awal *bukak*[buka] Showroom haritu [hari itu]....memang..*tu* [itu] haa..memang..memang *best* [seronok] sangat...sebab dari segi *customer* [pelanggan] yang *tak* [tidak] pernah putus, masa nak “Hari Raya” ke apa *sume* [semua] kalau hari-hari perayaan memang kita boleh membuat (berniaga), kita ada kita punya...boleh buat *sales* [jualan] yang besar lah. Lepas *tu* [itu]..ada sesetengah, apa *ni* [ini] “sultan-sultan” yang datang masa kita punya “Jubli Emas”(perayaan memperingati ulang tahun yang kelima puluh) dulu, pada awal tahun '00 [2000] *tu* [itu]. Pada peringkat awal “Nordin Batik” *ni* [ini] *buke* [buka]. Maksud saya *showroom* [bilik pameran] *ni* [ini] di *buke* [buka] *tu* [itu] memang banyak kenangan la..pada masa *tu* [itu]. Sekarang ini kenangan ada juga, tapi kenangan sedih la (gelak).

WNN : Okay Puan, boleh Puan kongsi kenangan pahit yang dihadapi oleh syarikat Nordin Batik sepanjang penglibatan Puan sebagai contoh adakah Puan pernah mengalami kerugian yang tinggi ataupun bagaimana?

PAN : Kerugian *tu* [itu], *takde* [tiada] la sangat. Maksudnya boleh lah *maintain* [kekalkan], cuma dari segi manis *tu* [itu] pada peringkat awal pembukaan *Showroom* [bilik pameran] dua ribu (berfikir sejenak)..awal tahun '00 (2000) dulu la..kan. Tapi kalau yang kenangan pahit *tu* [itu] pada sekarang lah. Pada masa sekarang dan sebelum *ni* [ini] lah, lima [5] tahun yang lepas pun memang kita dah rasa dia punya aura (suasana) dia *tu* [itu], tapi masih boleh bertahan. Tapi sampai

sehingga sekarang *ni* [ini]...masuk pada “*pandemic*” [pandemik] *ni* [ini] memang agak mencabar lah...sebab dari segi *kite* [kita] nak buat, kita kena pikir, kita kena *struggle* [bekerja keras] pada musim *ni* [ini].

WNN : Okay Puan, boleh Puan, kongsi cabaran yang dihadapi oleh ayah puan sendiri iaitu Haji Nordin bin Mahmood sebagai Pengerusi Eksekutif Wisma Nordin Group. Boleh Puan kongsikan?

PAN : Kalau yang *tu* [itu]..saya *tak* [tidak] pasti sangat la, tapi apa yang saya tahu, cabaran dia (Haji Nordin) pada peringkat awal dulu lah...dia pernah cerita pada saya lah kan, macam mana susahnyanya dia (Haji Nordin), kesusahan dia (Haji Nordin), sampai dia *bowok* [bawa] kain-kain dia (Haji Nordin) buat *tu* [itu] naik basikal *je* [saja] jual (pergi menjual). Dia (Haji Nordin) cakap, untuk dia capai tahap macam *ni* [ini] , dia memang lalu (melalui peringkat susah) dia macam *tu* [itu] lah. Jadi...tapi setelah *tu* [itu] bila dalam dua [2], tiga [3] tahun selepas *tu* [itu] dia telah berubah, berubah, berubah sampai lah sekarang macam *tu* [itu]. Maksudnya semuanya positif kearah itu, lebih baik la perubahan dia *tu* [itu]. Tapi dari segi kesukaran *tu* [itu] , susah dia dulu *tu* [itu] *jela* [sahaja] dia cakap. Dia pernah naik daripada basikal *pastu* [lepas pada itu] dia beli “*skuter*” (sejenis motosikal terkenal pada masa itu), *tu sume* [semua] dia *bowok* [bawa] jual kain...*tu* [itu] dia cakap, *lepastu* [lepas itu] baru dia *bulih* [boleh] beli kereta (Gelak besar). *Lepastu* [Lepas itu], satu lagi cabaran dia (Haji Nordin), dia (Haji Nordin) cakap macam dia (Haji Nordin) kena tumpang la...pada peringkat awal dia (Haji Nordin) cakap nak buat batik *tu* [itu] kena tumpang rumah-rumah orang dia (Haji Nordin) cakap. Dia *takde* [tiada] tempat sendiri nak buat, nak hasilkan “batik”. *Lepastu* [Lepas itu], pekerja *tak* (tidak) ramai, dua[2] orang *je* [saja]..dia (Haji Nordin) dan *sorang* [seorang]pekerja. Macam *tu* [itu]..

WNN : So [Jadi], memandangkan situasi pandemik yang berlaku pada masa sekarang, kebanyakan generasi muda tidak berminat bekerja dalam industri ini, so apakah komen Puan?

PAN : Golongan muda la masa sekarang (tokoh bertanya)?

WNN : Ye [Betul], Puan.

PAN : Pendapat saya la, mungkin kalau golongan muda, kalau di *showroom* [bilik pameran] *ni* (ini) mungkin ramai yang minat sebab kerja *jual* (menjual) *je* [saja] kan, penjual sebagai bahagian *sales* [jualan] macam *tu* [itu] *je* [saja]. Tapi..haa..kalau di bengkel bagi saya ramai yang *tak* [tidak] minat lah, sebab satu kena sabar, kena berdiri, kalau lapan [8] jam, lapan [8] jam berdiri....dan benda *tu* [itu] kena teknikal lah, kena lukis..kalau yang warna *tu* [itu] kena warna. Benda *tu* [itu] perlukan kesabaran dan tempat *pulok* [pula] kita buat kadang-kadang kalau musim panas, dia (tempat) agak panas. Kalau musim sejuk sikit macam sekarang..*tak* [tidak] boleh buat banyak kain (batik) *tu* [itu]. Mungkin dari segi *tu* [itu] la. *Lepastu* [Lepas itu] gaji pun kita *tak* [tidak] kira gaji kontrak. Diorang [Mereka pekerja] datang, diorang [mereka pekerja] kerja...diorang [mereka pekerja] *tak* [tidak] datang, *takde* [tiada] gaji. Maksudnya, dia datang..dia dapat gaji, *tak* [tidak] datang *takde* [tiada] lah. Mungkin dari segi *tu* [itu] la golongan muda sekarang *tak* [tidak] berapa minat lah. Saya rasa pendapat saya macam *tuh* [itu], sebab memang kita pun mencari-cari *jugok* [juga] pekerja yang muda-muda tapi sukar sangat *nak* [hendak] dapat. Susah sangat (nada kecewa).

TAMAT BAHAGIAN 5

BAHAGIAN 6: KEJAYAAN NORDIN BATIK SDN BHD

WNN : **Okay Puan, kita berbalik kepada kejayaan Nordin Batik Sdn Bhd. Adakah Nordin Batik Sdn Bhd mempunyai perniagaan dalam sektor lain selain daripada perusahaan batik, contohnya dari bidang pelancongan ataupun sebagainya.**

PAN : *Takde* [Tidak ada]...tapi satu bangunan yang sama *ni* [ini] kan, ayah saya buat atas *ni* [ini] kita buat *showroom* [bilik pameran]. *Basement* [Ruang bawah tanah] bawah *tu* [itu] ada satu hotel bajet....lah..kita buat...di bangunan yang sama. Tapi

tu [itu] adik saya yang *in charge* [mengendalikan] lah, *tu* [itu] *je* [saja] buat masa sekarang.

SN : **Okay...soalan seterusnya Puan, apakah anugerah yang diperolehi oleh Tuan Haji Nordin bin Mahmood bagi ayah Puan dan syarikat Nordin Batik. So [Jadi], boleh Puan kongsikan pada kami *tak* [tidak]?**

PAN : Boleh...Dari segi anugerah *tu* [itu] memang banyak, sebab Haji Nordin pun pernah dapat anugerah tokoh keusahawan kan. *Lepastu* [Lepas itu] kita punya punya syarikat Nordin Batik *ni* [ini] pun, kita banyak *award* [anugerah] kita dapat. Kalau *nak* [mahu] gambar, saya boleh *snap* [tangkap], saya hantar gambar.

WNN : **Boleh Puan.**

SN : **Boleh Puan.**

WNN : **Sebagaimana kita tahu, syarikat Nordin Batik ini merupakan salah satu syarikat yang sering mendapat perhatian dan liputan media massa jadi apa...perasaan Puan semasa ditemuramah oleh pihak media, boleh Puan kongsikan?**

PAN : Perasaan *tu* [itu], kalau saya ditemuramah oleh media...lah..maksudnya?

WNN : **Haah Puan..**

SN : ***Ye* (Betul)..Puan**

PAN : Memang la..kalau...memanglah bangga kan..kalau yang di *interview* [ditemuramah] macam *tu* [itu] memang saya sangat bangga lah..sebab dalam ramai-ramai pengusaha batik kan..haa..*diorang* [mereka] pilih “Nordin Batik” untuk ditemuramah apa semua. Jadi saya memang...kalau nak tanya pasal perasaan memang saya rasa bangga.

WNN : **Pernahkah Puan, sebagai pengurus menerima anugerah sepanjang perjalanan karier Puan dalam bidang ini?**

PAN : Tak pernah *lagih* [lagi]..Belum lagi...Cuma yang..haa..Cuma ayah saya Haji Nordin *tu* [itu] memang banyak lah dia (Haji Nordin)..

WNN : **Haa...okay [baiklah] Puan..**

- PAN : Sebab dia (Haji Nordin)..orang lama kan....
- WNN : **Betul Puan...**
- SN : **So (Jadi), Puan seterusnya Puan, kira adakah Puan rasa (patut)...kejayaan merupakan elemen terpenting bagi mencapai kelebihan bersaing bagi usahawan-usahawan yang sedia ada di Malaysia. Apakah pendapat Puan?**
- PAN : Macam mana lagi sekali (minta diulang baca soalan)....
- SN : **Okay Puan, adakah Puan rasa, faktor-faktor kejayaan merupakan elemen terpenting bagi mencapai kelebihan bersaing bagi usahawan....usahawan tempatan yang sedia ada di Malaysia?**
- PAN : Haa...Bagi saya mungkin *ye* [betul]...saya setuju lah sebab mungkin benda *ni* [ini]...haa..kalau macam membuatkan kita lebih dikenali lah, orang lebih kenal kita, orang akan lebih tahu lah...macam mana cara kita bekerja apa semua. Bagi saya, saya setuju...lah faktor-faktor macam *tu* [itu] perlulah ada.
- WNN : **Okay [Baik] Puan.**
- SN : **Okay, terima kasih Puan.**

TAMAT BAHAGIAN 6

BAHAGIAN 7: SUMBANGAN

- WNN : **Dalam sumbangan Puan sebagai usahawan berjaya. Jadi apakah sumbangan Puan kepada masyarakat dan ekonomi negara itu sendiri?**
- PAN : Dari segi sumbangan, kalau diperingkat negara....*tu* [itu] contoh lah kan, pendapat saya mungkin kita menghasilkan produk-produk batik *ni* [ini]...kan...haa..dia (produk batik) salah satu daripada cara kita *nak* [hendak] menarik orang-orang luar datang ke Malaysia....untuk lebih kenal kita punya industri batik macam mana. Saya rasa lah, itu pendapat saya lah....Kalau dari segi...haa...maksudnya sumbangan yang, yang macam mana satu lagi (minta diulang sekali lagi)...
- WNN : **Contohnya....sumbangan kepada masyarakat, contoh dalam membuka**

peluang pekerjaan..

- PAN : Kalau yang masyarakat, mungkin dari segi peluang pekerjaan lah, haa contohnya macam *kat* [dekat] showroom [bilik pameran] *ni* [ini]. Contohnya macam *kat* [dekat] sini, memang warga-warga tempatan di sekitar *ni* [ini] lah..kalau yang meukis batik, yang mewarna batik *tu* [itu]...memang orang-orang Kota Bharu *ni* [ini] *jugak* [juga].
- SN : ***So* [Jadi] soalan seterusnya Puan, boleh Puan beritahu kami apakah usaha syarikat Nordin Batik Sdn Bhd dalam usaha kearah pengekalan warisan seni batik?**
- PAN : Usaha (berfikir sejenak)...biasanya kalau usaha *ni* [ini]..haa..salah satunya macam contoh...lah Pusat Kraftangan Malaysia kan....Maksudnya kita banyak berhubung dengan *diorang* [mereka] macam mana, ada *jugak* [juga]...macam *tu* [itu]. *Lepastu* [Lepas itu]..haa..kadang-kadang kita cuba berbincang dengan beberapa pengusaha batik yang lain...Macam mana kita *nak* [hendak] hasilkan produk-produk yang lebih baik ke..macam *tu* [itu]..Kalau saya salah jawab bagitahu eh.....(Gelak)
- WNN : **Okay Puan, apakah tips yang digunakan untuk menangani masalah yang dihadapi dalam bidang perniagaan?**
- PAN : Tips yang digunakan (pertanyaan)?...Untuk menghadapi masalah lah..dalam berniaga ni..?
- SN : ***Ye* [Betul].**
- WNN : **Macam mana *tips* [petua] *tu* [itu]...Contoh memerlukan pemikiran yang tinggi ke..*nak* [hendak] kena ada *meeting* [mesyuarat] ke...untuk selesai masalah..**
- PAN : Kalau macam ada masalah *tu* [itu], betul lah..kena haa...macam contoh bagitahu tadi, *meeting*[mesyuarat] *tu* [itu] memang lah..kita kena perlu buat untuk *nak* [hendak] atasi kita punya *problem* [masalah], macam mana kan..*Lepastu* [Lepas itu] dari segi, dari segi lain *tu* [itu] *tak* [tidak] pasti la...mungkin salah satu *meeting* [mesyuarat] *tu* [itu]..betul lah (Gelak). Cara macam *tu* [itu]..
- WNN : **Okay Puan, adakah sukar bagi Puan menjadi pemimpin dalam kalangan**

pengusaha-pengusaha batik?

PAN : Hmm...*tak* [tidak] la sangat (Gelak kecil)...*tak* [tidak] lah sangat, biasa *je* [saja]...tapi kena, kena..*tak* boleh *tu* [itu] lah...Maksudnya kena ada ciri-ciri dia (ciri-ciri pemimpin) lah kan...Nak [Hendak] jadi pemimpin ni *tak* [tidak] salah kan. Boleh, tapi kena ada ciri-ciri yang selayaknya lah haa.. macam *tu* [itu].

TAMAT BAHAGIAN 7

BAHAGIAN 8: HARAPAN

WNN : Jadi Puan, apakah nasihat dan saranan Puan kepada mereka dan anak muda yang berminat dalam bidang keusahawanan.

PAN : Okay kalau yang berminat *tu* [itu]...kena teruskanlah minat *tu* [itu]...kan. Tapi sekarang *ni* [ni], dengan keadaan ekonomi sekarang *ni* [ini], kena ada strategi yang lebih baik lah...maksudnya..*Tak* [Tidak] boleh sambil lewa, sambil leka, *tu* [itu] *tak* [tidak] boleh. Kalau orang berniaga..kita..*nak* [hendak] berniaga, orang *nak* [mahu] *bukak* [buka] *business* [perniagaan], kita *nak* [mahu] *bukak* [buka] *business* [perniagaan]..tapi sampai penghujung *tu* [itu]...dah [sudah] tutup kan...*tak* [tidak] boleh macam *tu* [itu]. Kalau ikut sejarah sendiri, saya tengok Haji Nordin pada zaman gawat, *tak* [tidak] silap Tahun '95 [1995], orang lain semua gulung tikar tapi dia (Haji Nordin) masih lagi bertahan. Sebab *tu* [itu], banyak-banyak *formula* [rumusan] daripada Haji Nordin memang saya pegang sampai ke hari *ni* [ini] lah..Jadi..untuk golongan-golongan yang baru *nak* [hendak] menceburkan diri dalam bidang keusahawanan *ni* [ini], memang saya amat galakkan lah..memang saya suka benda-benda macam *ni* [ini]...tapi ada cara dia (nya), strategi dia (nya), kena lain daripada yang lain. *Tak* [tidak] seperti dulu..dan dia [golongan yang baru] kena rajin lah haa..jadi jangan cepat *nak* [hendak] jadi bos (gelak besar)..kena tahu semua...

WNN : Kena start (mula) daripada bawah....

PAN : Haa betul...Jangan bila kita *nak* [hendak] jadi usahawan...*nak* [hendak] jadi pemimpin *nih* [ini]...haa..terus *nak* [hendak] jadi nombor satu...*Tak* [Tidak]

boleh! Kita kena sama-sama bergerak dari bawah bersama-sama.

WNN : Jadi Puan, apakah harapan atau cadangan Puan untuk meningkatkan sosioekonomi industri perniagaan pada masa akan datang.

PAN : Kalau dari segi cara laa maksudnya untuk....?

WNN : Untuk collaboration (kerjasama) dengan pihak lain ke..

PAN : Contohnya *tourism* [pelancongan], *tourism* [pelancongan] di Kelantan dulu [dahulu]..dia (pihak pelancongan) memainkan peranan untuk industri seperti batik ke, industri songket ke apa semua kan ke peringkat...ketengahkan lagi la keperingkat yang lebih baik. Tapi sekarang *ni* [ini] industri *tourism* [pelancongan] maksudnya sekarang *ni* [ini]..industri yang *government* [kerajaan] punya...pun *tak* [tidak].....kebanyakannya *dah* [sudah] buat satu [1] *stop centre* [pusat perhentian] di Kuantan. Untuk Pantai Timur..kan..jadi kadang-kadang diorang [mereka] *ni* [ini] pun kita *tak* [tidak] boleh *nak* [hendak] mengharapakan sangat...tapi macam kraf tangan masih lagi ada..dan kebanyakan pengusaha-pengusaha batik pun ramai yang *join* [sertai] dengan kraf tangan la.. Kadang-kadang kita buat jualan batik dekat jalan kolej contohnya kan haa..*Tu* [Itu]ramai yang melibatkan pengusaha-pengusaha batik lah. Macam tu [*itu*]...

WNN : Okay Puan, adakah Puan bercadang untuk mengembangkan lagi perusahaan syarikat Nordin Batik ke peringkat seterusnya?

PAN : Setakat *ni* [ini]..*tak* [tidak] *ade* [ada]..haa..sebab bagi saya, *showroom* [bilik pameran yang ada *ni* [ini] pun sudah memadai, untuk saya jadikan sebagai *one step centre* [satu pusat perhentian] di Kota Bharu. Maksudnya kalau siapa-siapa *ni* [ini]...daripada luar yang datang bagi saya kalau *diorang* [pelancong] ingat batik, dia (pelancong) mesti ingat Nordin Batik macam *tu* [itu].

WNN : Puan, soalan terakhir sebagai rakyat Malaysia, adakah Puan rasa wajar untuk kita mempraktikkan pakaian batik di kalangan masyarakat sebagai salah satu budaya dan kebanggaan rakyat Malaysia (seperti) sebagai inisiatif memperkenalkan lagi seni batik kepada orang ramai.

PAN : Bagi saya, saya setuju lah..kalau kita praktikkan pemakaian batik *ni* [ini]..Contohnya *dia* (masyarakat) pakai (memakai) sebagai pakaian yang biasa untuk hari-hari contohnya macam Indonesia kan..haa..macam Indonesia saya pernah pergi ke Indonesia memang saya terkejut sebab *diorang* (rakyat Indonesia) pakai batik hari-hari. Hari-hari *diorang* (rakyat Indonesia) pakai batik dan *tak* [tidak] kira pelbagai kaum...Dekat sana ada juga orang *Chinese* [kaum Cina], Melayu kan *diorang* [kaum melayu] pakai tapi *diorang* [rakyat Indonesia] buat secara *casual* [pakaian hari-hari]..*diorang* [rakyat Indonesia] pakai dengan skirt, pakai dengan *sleeve* [baju]...pakai dengan apa *ni* [ini]..kain apa *sume* [semua]. Jadi bagi saya, di Malaysia kita *tak* [tidak] buat lagi..haa..tapi bagi saya..wajar kalau kita praktikkan macam *tu* [itu]..sebab sekarang *ni* [ini] kalau *diorang* [rakyat malaysia] ada *formal event* [acara rasmi] baru *nak* [hendak]..pakai batik.Ada..kalau *kat* [dekat] sekolah-sekolah ke..hari khamis baru *nak* [hendak] pakai batik kan..haa..*Tak* (Tidak) salah lah kalau kita tukar batik *ni* [ini] dipakai *casual* [tidak formal] boleh pakai hari-hari. Golongan muda akan lebih kenal lagi batik sebenarnya. *Tu* (itu)...pendapat saya lah..haa.

WNN : **Betul Puan.**

TAMAT BAHAGIAN 8

Dengan ini tamatlah sesi temubual mengenai pengalaman dan sumbangan Puan Azlinda Binti Nordin di sepanjang penglibatan sebagai Pengurus Showroom Nordin Batik Sdn Bhd dari satu Ogos dua ribu tiga [01/08/2003] hingga tiga puluh satu Disember dua ribu dua puluh [31/122020]. Kami mengucapkan ribuan terima kasih di atas kesudian dan kerjasama yang diberikan oleh beliau dalam menyempurnakan wawancara ini. Adalah diharapkan dengan hasil temubual ini dapat menyumbang kepada perkembangan ilmu dalam bidang keusahawanan para penyelidik pada masa akan datang. Sekian terima kasih.

Rujukan

Nik Yusnita Nik Ahmaed. (2015). *Sumbangan Che Su dan Keluarga kepada Pembangunan Perusahaan Batik di Kelantan*. Universiti Malaysia Kelantan, Kota Bharu.

Temubual

Azlinda binti Nordin. Usahawan Batik Kelantan.

LAMPIRAN

LAMPIRAN 1

LOG WAWANCARA

Syahrill Norizan dan Wan Nur Nabila menemubual Puan Azlinda Nordin, yang dilahirkan pada 1976, di Pintu Geng, Kota Bharu, Kelantan, mengenai pengalaman beliau sebagai usahawan batik pada tahun 2003 hingga 2020.

Waktu	SubTopik	Kata Nama Khas
01:39	Biodata Tokoh	-Kak Linda - Kota Bharu - Jalan Gajah Mati -Kampung Pintu Geng -Along -UiTM Machang
07:05	Sejarah Pendidikan	-Sejarah - Bahasa Inggeris - Persatuan Pengguna Malaysia -Univrsitti Teknologi Mara (UiTM) - Art and Design (Textile) - Anugerah Dekan
16:27	Pengalaman Kerjaya	-Pengurus Showroom Nordin Batik -COVID19

		<ul style="list-style-type: none"> -Perintah Kawalan Pegerakan (PKP) -Malaysia -Indonesia Thailand -China
27:08	Sejarah Dan Permulaan Dunia Seni Batik	<ul style="list-style-type: none"> -Siliket -Samasa Batik
41:56	Latar Belakang Nordin Batik Sdn Bhd	<ul style="list-style-type: none"> -Kampung Pintu Geng -Wisma Nordin - Allahyarhamah Datin Seri Endon - Jubli Emas -SOCSO -Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) - Facebook -Instagram
1:06:21	Kejayaan Nordin Batik Sdn Bhd	
1:10:02	Sumbangan	<ul style="list-style-type: none"> - Pusat Kraftangan Malaysia
1:13:58	Harapan	<ul style="list-style-type: none"> -Kelantan -Kuantan -Kota Bharu -Malaysia

Diari Kajian Seni Tradisional: Batik tunjang seni warisan

Masa	Tarikh	Perkara	Tindakan
8:00 pg - 9:50 pg	20 Okt 2020	<p>Kami diberikan penerangan oleh Puan Nurulannisa mengenai “Oral History” dan tajuk kajian lisan pada tahun ini ialah “Alumni FP ,UiTM 1968”</p> <p>Puan Nurulannisa mengarahkan pelajar untuk memebentuk kumpulan seramai dua orang satu kumpulan dan Puan Nurulannisa menyuruh setiap kumpulan memikirkan tempat untuk dibuat kajian.</p>	<p>Membuat catatan tentang kajian lisan dan tajuk tugas yang perlu dilakukan.</p> <p>Menentukan siapkah ahli kumpulan</p>
8:00 pg - 1:00 ptg	21 Okt 2020	<p>Senarai nama tokoh diberikan oleh Puan Nurulannisa dan beberapa rakan sekelas bagi mendapatkan kepastian mengenai tokoh yang bakal ditemuduga</p>	<p>Beberapa rakan sekelas menghantar senarai nama tokoh di dalam senarai di Whatsapp.</p>
8:00 pg - 9:50 pg	27 Okt 2020	<p>Disebabkan oleh beberapa kekangan, kajian lisan pada tahun ini diubah kepada “Local content” iaitu tokoh tempatan yang berada di kawasan Pantai Timur’</p> <p>Puan Nurulannisa juga menerangkan beberapa tugas</p>	<p>Mengemas kini catatan</p> <p>Mengambil maklum akan tugas yang</p>

		yang perlu dilakukan seperti “Proposal” dan “Abstract”	perlu dihantar
10:00 pg	28 Okt 2020	Mencari maklumat mengenai beberapa tokoh tempatan yang berada di kawasan Pantai Timur.	Menggunakan platform Google
9:57 pg	29 Okt 2020	Kami mengusulkan seorang tokoh yang ingin ditemubual iaitu “Nordin Batik” Tokoh menyuarakan minat untuk ditemubual oleh pihak kami.	Mendapat persetujuan dari pensyarah Mendapat persetujuan dari tokoh
7:00 mlm	26 Nov 2020	Terdapat beberapa perubahan mengenai tokoh yang ingin ditemubual. Anak kepada tokoh iaitu “Puan Azlinda” meminta kami menemubual beliau atas sebab kesihatan ayah beliau.	Mengambil maklum akan perubahan yang berlaku
9:37 pg	3 Dis 2020	Merangka soalan yang bakal ditanya ke Puan Azlinda Nordin bersama ahli kumpulan.	Telah membahagi tugas untuk merangka soalan.
10:53 pg	6 Dis 2020	Menghantar soalan untuk disemak oleh pensyarah.	Menunggu maklum balas dari pensyarah.
1:32 ptg	7 Dis 2020	Soalan dikembalikan untuk pembaikan.	Cakna akan maklum balas dan cadangan dari pensyarah.
10:06 pg	14 Dis 2020	Menyertai perbincangan secara atas talian bersama pensyarah.	Pensyarah memberikan cadangan serta bantuan dalam

			merancang perjalanan temubual.
9:37 pg	15 Dis 2020	Menghubungi Puan Azlinda untuk berbincang bagi mendapatkan tarikh dan masa untuk menjalankan temubual Menghantar surat kebenaran dari UiTM.	Mendapatkan tarikh dan masa sesuai.
10:54 pg	16 Dis 2020	Menghubungi sekali lagi bagi menentukan beberapa perkara.	Mendapatkan kepastian.
11:07 pg	17 Dis 2020	Menghantar soalan yang ingin di tujukan kepada Puan Azlinda.	Menunggu maklum balas dari pensyarah.
12:23 tgh	24 Dis 2020	Pensyarah meluluskan soalan temubual tersebut.	Soalan temubual diluluskan dan bersedia untuk ke peringkat seterusnya.
8:55 pg	29 Dis 2020	Mengingatkan tokoh akan tarikh yang ingin ditemubual dan bersetuju akan tarikh tersebut.	Membuat persediaan akan temubual tersebut.
11:00 pg	31 Dis 2020	Temubual dijalankan bersama dengan Puan Azlinda yang diadakan di aplikasi Skype.	Temubual bermula lewat dari jangkaan. Temubual dirakam untuk tujuan transkrip. Menghantar surat penjanjian kepada tokoh.

LAMPIRAN 3

NORDIN BATIK SDN BHD-PUAN AZLINDA BINTI NORDIN

Interviewee Selection

- Puan Azlinda Binti Nordin

1 SESI

Pengenalan: [rakam sebelum temubual] Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera. Berikut adalah merupakan temubual sejarah lisan mengenai latar belakang dan pengalaman hidup seorang tokoh dalam bidang keusahawanan. Bersama-sama kami ialah Puan Azlinda Binti Nordin yang merupakan seorang Pengurus Showroom Nordin Batik Sdn Bhd dari tahun 2003 hingga 2020. Rakaman ini dijalankan pada tarikh 15 Disember 2020 bersamaan dengan hari Sabtu pada pukul 3 petang melalui rakaman video secara atas talian (online). Temubual ini dikendalikan oleh Syahrill Norizan dan Wan Nur Nabila. Dengan segala hormatnya temubual ini dimulakan.

1- LATAR BELAKANG

2- PENDIDIKAN

3- KERJAYA

4- SEJARAH PERNIAGAAN

5- KEJAYAAN

6- SUMBANGAN

7- HARAPAN

Assalamualaikum Puan, kami mulakan dengan soalan yang berkaitan dengan latar belakang Puan.

BAHAGIAN 1: LATAR BELAKANG

1. Boleh Puan perkenalkan diri? Latar belakang mengenai umur, tarikh lahir dan nama penuh Puan?
2. Apakah nama panggilan Puan?
3. Di manakah Puan dilahirkan dan dibesarkan?
4. Dan dimanakah tempat menginap Puan sekarang?
5. Berapakah bilangan adik beradik dalam keluarga Puan dan Puan anak yang keberapa?
6. Dan Adakah Puan mempunyai nama timbangan semasa kecil?
7. Apakah nama ayah dan ibu Puan dan apakah pekerjaan ayah dan ibu Puan semasa membesarkan Puan?
8. Dimanakah ayah dan ibu Puan bekerja dan apakah bidang yang diceburi oleh mereka?
9. Adakah ayah dan ibu Puan berasal dari tempat sama?
10. Pada tahun bilakah Puan mendirikan rumah tangga?
11. Dan boleh bagitahu kami nama penuh suami Puan dan apakah kerjaya suami Puan?
12. Boleh saya tahu berapakah bilangan cahaya mata hasil perkahwinan Puan? Jika Ya, apakah nama serta umur mereka?
13. Pernahkah Puan menyuarakan hasrat supaya mereka dapat meneruskan legasi perniagaan keluarga Puan dalam bidang kesenian batik apabila besar kelak pada masa hadapan?

BAHAGIAN 2: PENDIDIKAN

14. Dimana dan pada tahun berapakah Puan memulakan persekolahan diperingkat rendah dan menengah?
15. Bagaimanakah Puan pergi ke sekolah waktu ketika itu? (jalan kaki/ basikal/ motor/ bas / kereta) ?
16. Apakah subjek kegemaran Puan pada zaman persekolahan yang paling diminati dalam bidang akademik?
17. Dan apakah subjek kegemaran Puan pada zaman persekolahan yang paling diminati dalam bidang kokurikulum?
18. Adakah Puan menyertai mana-mana persatuan atau kelab ketika zaman persekolahan? Jika Ya, apakah Persatuan tersebut?
19. Dan adakah Puan aktif dalam aktiviti sukan pada waktu sekolah?
20. Apakah cita-cita dan hobi Puan ketika itu?
21. Siapakah rakan akrab zaman persekolahan yang paling diingati dan masih rapat sehingga sekarang?
22. Apakah kenangan dan pengalaman yang paling istimewa/manis pada zaman persekolahan? Boleh Puan kongsi kepada kami?
23. Siapakah sumber inspirasi waktu zaman persekolahan dan motivasi yang menguatkan Puan ketika melalui zaman persekolahan?
24. Selepas Puan tamat sekolah menengah apakah aktiviti masa lapang sebelum melanjutkan pelajaran pendidikan ke peringkat yang lebih tinggi?
25. Dan selepas tamat zaman persekolahan, adakah Puan melanjutkan pelajaran atau mencari pengalaman bekerja dahulu?
26. Jika melanjutkan pelajaran, dimanakah Puan menyambung pengajian dan apakah kursus yang diambil oleh Puan sewaktu menyambung pengajian?
27. Boleh kami tahu, mengapa Puan mengambil kursus tersebut di Universiti? Adakah itu pilihan sendiri atau pilihan keluarga dan berapa lama tempoh pengajian Puan?
28. Semasa bergelar seorang pelajar, apakah cabaran terbesar yang dihadapi dan bagaimana Puan mengatasi cabaran tersebut?

29. Selain itu, pernahkah Puan berniaga sampingan semasa di zaman Universiti?
30. Boleh Puan bagitahu kami pencapaian tertinggi Puan ketika belajar? Jika ya, boleh ceritakan pencapaian tersebut?
31. Adakah Puan pernah mendapat sebarang anugerah sepanjang waktu belajar?
32. Dan, apakah rahsia kejayaan Puan dalam bidang akademik sehingga mencapai kejayaan dalam pembelajaran?

BAHAGIAN C: PENGALAMAN KERJAYA

33. Selepas tamat pengajian, apakah pekerjaan pertama Puan lakukan dan pada tahun berapa?
34. Boleh Puan ceritakan pengalaman Puan bekerja ketika itu dan apakah jawatan yang dipegang oleh Puan di dalam Syarikat Nordin Batik Sdn Bhd?
35. Dan apakah skop tugas yang yang dipertanggungjawab oleh Puan pada ketika itu?
36. Bagaimana Puan membahagikan masa diantara kerja dan keluarga?
37. Apakah cabaran terbesar Puan ketika menyandang jawatan tersebut dan bagaimana Puan mengatasinya?
38. Siapakah yang sentiasa memberi semangat dan motivasi kepada Puan sewaktu memegang jawatan itu didalam organisasi itu?
39. Sewaktu memegang jawatan Pengurus Showroom Nordin Batik Sdn Bhd, apakah rancangan dan pelan yang Puan yang telah lakukan untuk syarikat Nordin Batik Sdn Bhd?
40. Apakah prinsip hidup Puan untuk sentiasa bersemangat dan memberi motivasi kepada diri Puan sebelum memulakan sesuatu pekerjaan?
41. Siapakah tokoh yang paling Puan kagumi. Dan kenapa?
42. Apakah sumbangan terbesar Puan dalam organisasi Nordin Batik Sdn Bhd?

43. Pada pandangan Puan, Malaysia pada masa kini patut berbangga dengan warisan terunggul iaitu batik kerana faktor apa?
44. Dan pada masa kini, adakah Malaysia sudah dikira maju atau ketinggalan untuk dibandingkan dengan negara luar dari segi bidang perusahaan batik?

BAHAGIAN 4: SEJARAH DAN PERMULAAN DUNIA SENI BATIK

45. Boleh Puan terangkan serba sedikit mengenai apa itu seni batik?
46. Adakah seni batik mempunyai pelbagai jenis yang berbeza?
47. Untuk menghasilkan batik memerlukan ketelitian yang tinggi, jadi adakah batik memerlukan peralatan yang khusus dan bagaimana batik itu dihasilkan?
48. Siapakah perintis seni batik yang dikenali Puan di Kelantan?
49. Dari manakah timbul minat dalam bidang perniagaan batik? Adakah Puan sudah didedahkan dengan pemerhatian di dalam bidang batik sejak dari zaman kanak-kanak lagi? Jika Ya, bolehkah Puan bercerita pengalaman Puan ketika itu?
50. Siapakah yang mempengaruhi Puan supaya menceburi bidang seni batik selain dari keluarga?
51. Apakah permasalahan yang dihadapi dalam industri batik?
52. Dan adakah faktor pekerja yang berusia dan kebergantungan bahan mentah menjadi salah satu faktor permasalahan di dalam industri batik pada masa kini?
53. Bagaimanakah Puan meneruskan perniagaan dalam bidang ini dengan kehidupan norma baru dalam pandemic Covid-19? Adakah sukar dan menjejaskan bagi seorang usahawan seperti Puan?
54. Seperti kita sedia maklum, kebanyakan pemilikan industri batik tidak menerima pendidikan yang tinggi, jadi adakah Puan berpendapat golongan tersebut sukar

untuk mengembangkan lagi industri batik mereka kearah tahap yang lebih tinggi kerana berkemungkinan besar golongan ini enggan berurusan dengan institusi kewangan untuk membuat pinjaman sebagai contoh.

55. Masyarakat pada masa kini, kebanyakan tidak memahami batik sebagai warisan bernilai tinggi yang perlu dipelihara, jadi apakah pendapat Puan terhadap golongan tersebut?
56. Apakah inisiatif untuk mengekalkan identiti dan budaya Melayu menerusi batik dalam menyumbang kepada sumber ekonomi dalam negara?
57. Apakah ciri-ciri yang perlu pada seorang usahawan yang mempunyai minat dalam perniagaan seni batik?

BAHAGIAN 5: LATAR BELAKANG NORDIN BATIK SDN BHD

58. Apakah jenis perniagaan syarikat Nordin Batik Sdn Bhd dan bilakah penubuhan syarikat itu?
59. Sejak bilakah Nordin Batik Sdn Bhd ini mula beroperasi dan pada tahun berapa?
60. Sejak bilakah Nordin Batik Sdn Bhd ini mula beroperasi dan pada tahun berapa?
61. Dimanakah Wisma Nordin berada?
62. Apakah tujuan dan objektif Wisma Nordin ini ditubuhkan?
63. Boleh Puan cerita pada kami titik tolak penubuhan syarikat Puan dari pada mula beroperasi sehingga masa kini?
64. Berapa ramai pekerja sewaktu syarikat tersebut ditubuhkan?
65. Dan adakah pekerja-pekerja syarikat ini terdiri daripada masyarakat setempat sahaja atau ahli-ahli keluarga?
66. Apakah kebajikan yang berikan kepada pekerja-pekerja oleh syarikat Nordin Batik Sdn Bhd?

67. Berapakah jumlah kos keseluruhan pembinaan Wisma Nordin dan terbahagi kepada berapa bahagian di dalam bangunan tersebut?
68. Boleh ceritakan sedikit sejarah perkembangan dan kronologi syarikat Nordin Batik Sdn Bhd?
69. Dan apakah manfaat yang diperoleh oleh para pengunjung yang datang ke kilang dan showroom?
70. Dan apakah manfaat yang diperoleh oleh para pengunjung yang datang ke kilang dan showroom?
71. Apakah kemudahan yang disediakan di Showroom Nordin Batik Sdn Bhd?
72. Apakah yang Puan benar-benar ambil berat dalam melakukan sesuatu dalam bidang perniagaan?
73. Boleh Puan ceritakan pengalaman manis semasa bekerja dalam syarikat tersebut sebagai Pengurus Showroom Nordin Batik Sdn Bhd?
74. Siapakah idola atau inspirasi Puan dalam bidang perniagaan ini?
75. Apakah mutu keunggulan Batik Nordin Sdn Bhd di Negeri Kelantan?
76. Adakah syarikat Puan mengalami kesukaran apabila berurusan dengan pihak luar negara?
77. Boleh Puan cerita, apakah strategi pemasaran yang digunakan bagi mempromosikan batik-batik didalam dan luar Negara?
78. Apakah kenangan pahit yang dihadapi oleh syarikat Nordin Batik Sdn Bhd sepanjang penglibatan dalam industri seni batik?
79. Pernahkah syarikat Nordin Batik Sdn Bhd mengalami kerugian yang tinggi dalam bidang perniagaan? Jika Ya apakah kerugian itu?
80. Apakah cabaran yang dihadapi Tuan Haji Nordin bin Mahmood sebagai seorang Pengerusi Eksekutif Wisma Nordin Group? Boleh Puan kongsi?
81. Apakah kecekapan yang ada pada perniagaan syarikat Nordin Batik Sdn Bhd?

82. Situasi yang cukup membimbangkan kepada kelestarian industri batik pada masa hadapan adalah pengusaha batik beranggapan generasi muda tidak berminat bekerja dalam industri ini, apakah komen Puan tentang masalah ini?

BAHAGIAN 6: KEJAYAAN NORDIN BATIK SDN BHD

83. Adakah Nordin Batik Sdn Bhd mempunyai perniagaan dalam sektor lain, selain dari perusahaan batik?
84. Apakah anugerah yang diperoleh oleh Tuan Haji Nordin bin Mahmood dan Syarikat Nordin Batik Sdn Bhd? Boleh Puan kongsi kepada kami?
85. Syarikat Nordin Batik Sdn Bhd adalah salah satu syarikat yang sering mendapat perhatian dan liputan media massa, apakah perasaan Puan semasa ditemuramah oleh pihak media? Boleh Puan kongsi?
86. Pernahkah Puan sebagai pengurus menerima anugerah sepanjang perjalanan karier puan dalam bidang ini?
87. Adakah Puan rasa faktor-faktor kejayaan merupakan elemen terpenting bagi mencapai kelebihan bersaing bagi usahawan-usahawan yang sedia ada di Malaysia?

BAHAGIAN 7: SUMBANGAN

88. Sebagai seorang usahawan berjaya, apakah sumbangan Puan kepada masyarakat dan ekonomi negara?
89. Apakah sumbangan terbesar Puan dalam bidang perniagaan seni batik?
90. Apakah sumbangan Syarikat Nordin Batik Sdn Bhd dalam pertumbuhan ekonomi dan meningkatkan daya inovasi sesebuah negara?
91. Boleh Puan beritahu kami, apakah usaha syarikat Nordin Batik Sdn Bhd dalam usaha kearah pengkalan warisan seni batik?

92. Dan apakah kesan atau impak dari semangat keusahawan keluarga Puan?
93. Apakah tips yang digunakan untuk menangani masalah yang dihadapi dalam bidang perniagaan?
94. Apakah jenis anugerah yang diterima oleh Tuan Haji Nordin bin Mahmood serta syarikat sepanjang penglibatan dalam bidang usahawan dan juga kesenian batik?
95. Adakah sukar bagi Puan menjadi pemimpin dalam kalangan pengusaha-pengusaha batik?


BAHAGIAN 8: HARAPAN

96. Apakah nasihat dan saranan Puan kepada mereka dan anak muda yang dalam bidang keusahawanan?
97. Puan ada sebarang kata kata yang hendak disampaikan kepada bakal usahawan yang baru ingin memulakan perniagaan?
98. Apakah pesanan Puan kepada golongan muda untuk melibatkan diri dalam bidang perniagaan?
99. Apakah harapan atau cadangan Puan untuk meningkatkan sosioekonomi industri perniagaan pada masa akan datang?
100. Boleh Puan kongsi kata-kata daripada Puan untuk dijadikan inspirasi kepada golongan muda terutamanya golongan belia yang ingin sebagai ahli perniagaan yang berjaya?
101. Adakah Puan bercadang untuk mengembangkan lagi perusahaan Syarikat Nordin Batik Sdn Bhd ke peringkat yang seterusnya?
102. Apakah kejayaan yang belum dicapai oleh syarikat Puan, sepanjang penglibatan di dalam industri seni batik?
103. Sebagai rakyat Malaysia, Puan rasa adakah wajar mempraktikkan pemakaian batik dikalangan masyarakat sebagai salah satu budaya dan kebanggaan rakyat Malaysia

sebagai inisiatif memperkenalkan seni batik kepada orang ramai?

Dengan ini tamatlah sesi temubual mengenai pengalaman dan sumbangan Puan Azlinda Binti Nordin di sepanjang penglibatan sebagai Pengurus Showroom Nordin Batik Sdn Bhd dari satu Ogos dua ribu tiga [01/08/2003] hingga tiga puluh satu Disember dua ribu dua puluh [31/12/2020]. Kami mengucapkan ribuan terima kasih di atas kesudian dan kerjasama yang diberikan oleh beliau dalam menyempurnakan wawancara ini. Adalah diharapkan dengan hasil temubual ini dapat menyumbang kepada perkembangan ilmu dalam bidang keusahawanan para penyelidik pada masa akan datang. Sekian terima kasih.

LAMPIRAN 4



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
PERJANJIAN MENGENAI PROJEK SEJARAH LISAN

Saya AZLENDABINTI NORDIN K/P: pada
31/12/2020 dengan ini bersetuju dengan syarat-syarat temubual yang telah diadakan di
antara saya dengan Universiti Teknologi MARA. Syarat-syarat tersebut adalah seperti berikut:

1. Rakaman hasil temubual ini adalah bertujuan untuk kegunaan pengajaran, penyelidikan dan penerbitan tanpa melibatkan bayaran/ tuntutan dari mana-mana pihak. Walaubagaimanapun bagi tujuan selain daripada yang tersebut, persetujuan daripada tokoh perlu diperolehi.
2. Rakaman hasil temubual yang tersebut di atas adalah diserahkan dan menjadi hak milik sepenuhnya Universiti Teknologi MARA untuk penyimpanan kekal dan boleh mengambil apa-apa tindakan yang difikirkan perlu bagi memelihara rakaman dan transkrip ini.
3. Pihak Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA boleh membuat transkrip rakaman dan transkrip-transkrip ini perlu/ tidak perlu disemak oleh tokoh (interviewee).
4. Rakaman dan transkrip ini akan dibuka kepada semua penyelidik sama ada dari Malaysia atau luar negara yang bertujuan membuat penyelidikan yang sah dengan syarat:
 - a. Apabila mereka mengambil dari rakaman/transkrip ini untuk digunakan di dalam penerbitan, tesis dll., sumbernya (tokoh) hendaklah diakui oleh penyelidik-penyelidik.

<p>_____ (Nama tokoh: AZLENDABINTI NORDIN) Tarikh: 31/12/2020</p>	<p>_____ (Nama pensyarah: Nurulnisa Bin Abdullah) b.p/Dekan Fakulti Pengurusan Maklumat Universiti Teknologi MARA</p>
---	--

Gambar 1: Surat perjanjian mengenai projek sejarah lisan

LAMPIRAN 5



Gambar 2: Puan Azlinda (kanan) bersama adik perempuan bergambar bersama peragaan batik eksklusif ketika ditemuramah pihak media.



Gambar 3: Keratan akhbar ketika ditemuramah pihak media menunjukkan gambar yang diambil oleh NSTP



Gambar 4: Lawatan Tengku Permaisuri Sofie Louise Johansson ke Bengkel Showroom Batik Sdn Bhd.



Gambar 5: Tengku Permaisuri Sofie Louise Johansson membuat tinjauan di bengkel pembuatan Batik secara dekat.



Gambar 6: Pekerja sedang mencanting, mewarna batik hasil tempahan pelanggan dibengkel.



Gambar 7: Wisma Nordin

LAMPIRAN 6



Gambar 8: Sijil Penghargaan Anugerah Usahawan Batik Cermerlang



Gambar 9: Sijil Penghargaan Anugerah Industri Pelancongan Negeri Kelantan 2008



Gambar 10: Sijil Penghargaan Anugerah Industri Pelancongan Negeri Kelantan



Gambar 11: Sijil Penghargaan Atas Komitmen Cemerlang Menjayakan Program Peningkatan Pengurusan Hala Tuju Kerjaya Murid Masa Depan



Gambar 12: Sijil Penghargaan Pendemonstrasi & Pengajar Pembuatan Batik

INDEKS

A	<p><i>Art and Design</i>23, 58</p> <p><i>Art Design</i> 23, 24, 37</p> <p>Azlinda Bt Nordin11</p>	<p>Kelantan . 6, 11, 13, 14, 18, 31, 32, 42, 43, 44, 53, 57, 59, 68, 70, 80, 81</p> <p>keusahawanan 52, 63, 72, 73</p> <p>Kraf tangan.....38</p>
B	<p>batik... 6, 7, 13, 14, 16, 19, 29, 30, 31, 32, 33, 34, 35, 36, 37, 38, 39, 40, 41, 42, 45, 46, 47, 48, 49, 50, 51, 52, 53, 54, 57, 65, 67, 68, 69, 70, 71, 72, 73, 75, 78</p> <p>Batik... 4, 6, 11, 13, 14, 16, 18, 25, 26, 27, 28, 29, 31, 32, 38, 39, 41, 42, 43, 44, 45, 46, 48, 49, 51, 53, 54, 58, 59, 61, 63, 66, 67, 69, 70, 71, 72, 73, 77, 80, 83</p> <p><i>business</i>52</p>	<p style="text-align: center;">M</p> <p>Malaysia13, 21, 22, 23, 29, 44, 50, 51, 54, 58, 59, 67, 71, 73</p> <p><i>marketing</i>26</p> <p>melukis..... 25, 31, 32, 34</p> <p>mencanting33, 78</p> <p>mewarna 31, 32, 33, 36, 51, 78</p>
C	<p><i>customer</i> 27, 35, 38, 44, 45, 46</p>	<p style="text-align: center;">N</p> <p>Nordin Batik Sdn Bhd6, 11, 13, 14, 16, 25, 26, 28, 38, 39, 41, 43, 45, 48, 51, 63, 66, 67, 69, 70, 71, 72, 73</p>
D	<p><i>design</i> 7, 26, 28, 31, 37</p>	<p style="text-align: center;">O</p> <p><i>online</i>..... 27, 33, 36, 63</p> <p><i>Overhead</i>.....28</p>
E	<p>ekonomi.....13, 14, 20, 38, 45, 50, 52, 69, 71, 72</p>	<p style="text-align: center;">P</p> <p>pandemik 20, 27, 28, 34, 46, 47</p> <p>Pengurus Showroom .4, 11, 16, 25, 26, 58, 63, 67, 70, 73</p> <p>perusahaan.....13, 29, 34, 48, 53, 67, 71, 73</p> <p><i>Production</i>.....26</p>
H	<p>Haji Nordin bin Mahmood ..11, 13, 31, 47, 49, 70, 71, 72</p>	<p style="text-align: center;">S</p> <p><i>sale</i>26, 27</p> <p>Samasa Batik32</p> <p><i>showroom</i>... 25, 26, 38, 39, 40, 41, 42, 44, 45, 46, 47, 48, 51, 53, 70</p> <p><i>staff</i>..... 17, 27, 28, 41</p> <p><i>suppliers</i> 33, 34</p>
I	<p>Indonesia 29, 54, 58</p>	<p style="text-align: center;">T</p> <p>Tekstil 11, 23</p> <p><i>tourism</i>53</p>
J	<p>Jubli Emas44, 46</p>	
K	<p>Kampung Pintu Geng 11, 18, 40</p>	

U

UiTM..... 18, 22, 24, 37, 58, 60, 62
UiTM Machang18, 58
upgrade27, 29

usahawan . 4, 13, 16, 34, 36, 38, 50, 53, 57, 68, 69, 71, 72

W

warisan6, 13, 14, 29, 30, 37, 51, 67, 68, 72